



# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 23 FEBRUARI - 1 MAC 2023

www.selangorkini.my

## 65,000 unit rumah mampu milik dibina

Negeri luluskan pembinaan Rumah Selangorku kategori Idaman dan Harapan sejak 2018 hingga kini. Sebanyak 6,500 unit sedang disiapkan manakala 2,400 lagi di Kajang dan Bangi selesai dibangunkan. Sebanyak 30,000 unit pula dijadual siap pada 2025

MUKA 3

### Projek jamin bekalan air hampir siap

Pembangunan dua projek untuk pastikan penyaluran air terjamin dijadual siap Oktober ini. Projek bernilai RM85 juta mampu menampung bekalan sehingga lima hari meski berlaku pencemaran

MUKA 7



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (dua, kiri) mendengar taklimat projek Rumah Idaman Kwasa Damansara daripada Pengarah Urusan Impiana Land & Development Datuk Haris Onn Hussein ketika majlis pecah tanah di Kota Damansara, Shah Alam pada 17 Februari 2023. Foto HAFIZ OTHMAN ► BERITA MUKA 2

## pancawarna

### Juara lagu kenang arwah bapa

Aina Abdul habis RM85,000 untuk persembahan akhir



9

### Terus bella rakyat sejak 2008

Bantuan rakyat di Jelajah Kita Selangor Penyayang

12&13



### Beruntung tinggal kerjaya arkitek

Suami isteri lonjak jualan selepas bantuan Sidec



10

## Jelajah kebajikan pada 25 dan 26 Feb

**SHAH ALAM** - Jelajah Kita Selangor Penyayang (JKSP) diteruskan hujung minggu ini di daerah Gombak dan Kuala Selangor.

Program kebajikan di Gombak berlangsung pada 25 Februari di Tapak Bazar Ramadan, Taman Melawati diikuti Kuala Selangor di Dataran Esplanad, Eco Grandeur, Kuala Selangor pada 26 Februari.

Pelbagai aktiviti menarik ditawarkan sepanjang program yang menggabungkan konsep Jelajah Selangor Maju Bersama dan Jelajah Selangor Penyayang antaranya pameran, dialog awam, sukan rakyat dan Jelajah Ehsan Rakyat.

Fasa pertama JKSP membuka tirainya pada 18 Februari di Klang yang dihadiri Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan ribuan penduduk manakala Rumah Terbuka Aidilfitri dan program Rewang Sekampung dianjurkan dalam fasa kedua JKSP pada 28 April hingga 14 Mei.

## Pengosongan kerusi ikut peraturan

**SHAH ALAM** - Pengosongan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Kali dibuat berdasarkan Undang-undang Tubuh Negeri Selangor dan peraturan tetap.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kelayakan mana-mana wakil rakyat yang tidak hadir enam bulan berturut-turut tanpa sebab boleh dilucut berdasarkan enakmen dan peraturan dewan.

"Speaker sudah teliti segala enakmen, undang-undang tubuh dan peraturan tetap dewan. Jadi, kita ikut (ketetapan) undang-undang," katanya pada 17 Februari.

Amirudin menambah bekas wakil rakyat itu boleh mencabar keputusan tersebut di mahkamah jika berasa tidak berpuas hati dengan keputusan speaker.

"Pihak terbabit boleh ambil tindakan susulan jika rasa teraniaya. Setakat ini, keputusan Dewan Negeri Selangor muktamad. Jadi dia (bekas Ahli Dewan Negeri) boleh dapatkan balik perjanjian jika mahu bawa ke mahkamah atau sebagainya. Itu hak beliau," katanya.

### IMBAS DI SINI akbar digital minggu lepas

## DUN Batang Kali diisyihar kosong

**SHAH ALAM** - Kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Kali diisyihar kosong berikutan wakil rakyatnya tidak hadir ke sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) selama lebih enam bulan tanpa alasan.

Menjelaskan keputusan itu berkuat kuasa pada 28 Januari, Speaker Ng Suee Lim memaklumkan kali terakhir wakil rakyat kerusi itu Harumaini Omar hadir pada 27 Julai 2022 berdasarkan rekod rasmi dan buku kehadiran dewan.

"Memandangkan tempoh enam bulan dikira bermula dari 28 Julai tahun

lalu, maka mengikut Perkara LXIX Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, tempoh ketidakhadiran beliau melebihi enam bulan.

"Maka dengan kuasa saya sebagai speaker, saya mengisyiharkan kerusi Harumaini kosong berkuat kuasa 28 Januari. Ini bermakna kelayakannya sebagai wakil rakyat juga terlucut," katanya pada 16 Februari.

Suee Lim berkata Harumaini juga tidak berhubung atau mengirim makluman ketidakhadiran sepanjang tempoh itu sebelum keputusan dibuat secara tertib

termasuk mendapat pandangan penasihat undang-undang negeri.

"Sebarang rayuan tidak diterima dan beliau tidak boleh hadir pada sidang dewan pada 13 Mac," katanya sambil menambah notis kekosongan turut dihantar kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam masa terdekat.

Harumaini menang pilihan raya umum ke-14 atas tiket Parti Pribumi Bersatu Malaysia sebelum parti itu meninggalkan kerjasama dengan Pakatan Harapan (HARAPAN). Beliau kemudian menyertai Pejuang pada 2020.

### Konsisten catat pertumbuhan ekonomi

## Kembalikan hasil kepada rakyat

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

**HULU SELANGOR** - Selangor sentiasa konsisten mencatat pertumbuhan ekonomi memberangsangkan untuk dikembalikan kepada rakyat.

EXCO pembangunan luar bandar berkata keadaan itu membolehkan negeri ini terus menjadi penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam tempoh lima tahun terakhir.

"Bermula 23.2 peratus pada 2017,

pada 2021 sumbang 24.8 peratus. Apakah maksud sumbangan KDNK ini? Dalam setiap RM10 duit dalam negara kita, RM2.40 adalah hasil daripada Selangor.

"Dalam setiap RM100, RM24 atau RM25 datang dari hasil kerja, sumbangan ekonomi dan pembangunan dalam negeri.

"Sebab itu kita tidak boleh gagal, kalau gagal akan berimpak dan kesan kepada negara secara keseluruhan," kata Borhan Aman Shah pada 19 Februari.

Terdahulu, beliau merasmikan program Jelajah Kita Selangor Penyayang (JKSP) Hulu Selangor di Oasis Batang Kali di sini.

Borhan berkata peningkatan hasil bukanlah satu kebanggaan sebaliknya ia dikembalikan kepada rakyat menerusi pelbagai program kebajikan.

"Peningkatan hasil tiga tahun berturut-turut harus dikembalikan kepada rakyat dalam inisiatif yang akan membawa kepada pengupayaan atau pemerkasaan rakyat dari hari ke hari," katanya.

## 4,694 rumah di Kwasa Damansara

**SHAH ALAM** - Satu lagi projek Rumah Selangorku Idaman dibangunkan di Kwasa Damansara, Kota Damansara bagi membantu penduduk memiliki kediaman selesa dan berkualiti.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pembinaan 4,694 unit rumah mampu milik berkeluasan 1,000 kaki persegi yang dilengkapi tiga bilik tidur serta pelbagai kemudahan lain dijual pada harga RM250,000.

Beliau menambah projek kendalian Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) bersama anak syarikat Kumpu-

Ian Wang Simpanan Pekerja iaitu Kwasa Land Sdn Bhd dibina di kawasan seluas 39.12 ekar dan dijadual siap menjelang 2026.

"Ini projek Rumah Idaman pertama pada tahun ini. Rumah yang ditawarkan ada kemudahan dan kelengkapan dua parkir, pendingin hawa, pemanas air, kabinet dapur, peti sejuk dan televisyen

"Peringkat awal pembinaan rumah ini di Kajang, ada tanggapan boleh atau tidak kita lakukan atau hanya slogan atau janji. Hari ini, kepercayaan makin

tinggi dan kita buktikan dengan beberapa pembangunan," katanya pada 17 Februari.

Amirudin menjelaskan idea pembangunan rumah kategori tersebut bertujuan memperbaiki keadaan tempat tinggal penduduk terutama di kawasan bandar.

"Lokasi juga mudah diakses dengan pelbagai kemudahan antaranya lebuh raya utama, hospital, sekolah, pusat pengajian tinggi, pengangkutan awam, pasar raya dan pusat komersial," katanya.

## Jangka RM12 billion pelaburan asing

**SHAH ALAM** - Nilai pelaburan asing di Selangor pada 2022 dianggar sekitar RM12 bilion, lebih tinggi berbanding sasaran awal iaitu RM10 bilion, kata EXCO pelaburan.

Menjelaskan nilai sasaran awal dicapai pada September tahun lalu, Dato' Teng Chang Khim berkata pihaknya akan mengkaji data berkenaan sebelum menetapkan sasaran pelaburan pada ta-

hun ini, lapor Bernama.

"Tahun ini kita dijangka berdepan cabaran kerana ramai pakar ekonomi kata negara akan masuk ke dalam 'musim sejuk' dalam pembangunan ekonomi, bagaimanapun ada yang berpandangan ia hanyalah luaran, dalamnya tidak begitu."

"Kalau kita lihat situasi pembangunan geopolitik dan ekonomi di seluruh dunia,

kita dapat masih ada keadaan ketidaktenuan dalam kadar faedah di Amerika Syarikat. Jika ia terus naik, tentu ia mendatangkan bebanan," katanya pada 17 Februari.

Chang Khim berkata pentadbiran negeri melihat situasi ekonomi itu sebagai cabaran dan mengambil langkah berani menerusi pelaksanaan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) untuk memacu pembangunan ekonomi.



**CERIA...** Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj (tiga, kanan) menunjukkan alat muzik sape di Istana Alam Shah, Klang kepada Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak Tan Sri Mohamad Asfia Awang Nassar pada 18 Februari. Foto Facebook Selangor Royal Office

## Sasar 30,000 unit siap dua tahun lagi Sedia 65,000 rumah mampu milik

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

**SHAH ALAM** - Sebanyak 65,000 unit Rumah Selangorku kategori Idaman dan Harapan diluluskan untuk pembinaan sejak 2018 hingga kini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sejumlah 24,000 unit dalam proses kebenaran merancang, 6,500 sedang dibina manakala 2,400 di Kajang dan Bangi siap dibina.

## Selesai 800 isu hak milik strata

**KLANG** - Isu hak milik strata kira-kira 800 pemilik unit Pangaspuri Seri Perantau di sini dijangka selesai pada Ogos, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan pemberian surat pemilikan kepada setiap rumah berkenaan hasil usaha pentadbiran negeri menyelesaikan semua

Beliau menyasarkan minimum 30,000 unit siap pada 2025 manakala baki projek melalui pelbagai proses antaranya kebenaran merancang, pembinaan bangunan dan lain-lain.

"Kita akan pastikan projek siap pada masanya untuk memenuhi keperluan rakyat. Namun, ia turut bergantung kepada harga bahan mentah dan persekitaran pasaran terutama selepas penularan Covid-19," katanya.

Amirudin yang menyempurnakan

prosedur sejak 2021.

"Kita selesaikan 11 daripada 17 langkah yang diperlukan termasuk urusan pejabat tanah dan galian, pihak berkuasa tempatan serta peguam. Kumpulan pertama dijangka dapat status milikan pada Jun," katanya pada 18 Februari.

Amirudin ketika merasmikan pro-

majlis pecah tanah Rumah Idaman Kwasa Damansara pada 17 Februari berkata lebih 6,000 unit disasar dijadikan pada awal tahun depan.

Rumah Idaman dan Harapan antara inisiatif pentadbiran negeri bagi membantu keluarga berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki kediaman.

Projek perumahan tersebut dilaksanakan di beberapa lokasi antaranya Kajang, Bangi, Shah Alam, Cyberjaya dan Semenyih.

gram Jelajah Kita Selangor Penyayang di pangaspuri tersebut berkata pihaknya juga menyelesaikan isu tunggakan utiliti dengan Tenaga Nasional Berhad dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd.

"Pangaspuri ini ada 12 blok bangunan dan didiami sejak 2000. Kita dapat semua rumah tidak ada hak milikan," katanya.

## ECRL: Janji bela nasib 89 keluarga

**KLANG** - Nasib 89 keluarga di Kampung Delek dan Kampung Sungai Sireh, Pelabuhan Klang akan dibela jika laluan projek Lalu Rel Pantai Timur (ECRL) di kawasan itu tidak dialih ke lokasi lain.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberi jaminan pihaknya ada masa mencukupi untuk berbincang dengan pihak tertentu berikutnya pembinaan itu hanya bermula pada 2025.

"Sementara ada masa, kita juga kenal pasti kawasan perumahan mana yang dibangunkan, yang mana kita boleh ganti tanah, rumah atau beli rumah dengan kos tertentu.

"Kalau laluan tidak dialih, kita beri rumah sesuai supaya hidup penduduk tidak terganggu," katanya pada 18 Februari sambil menambah penyelesaian terbaik dicari berikutnya projek itu turut memberi kesan kepada 86 lot tanah kubur.

## Lancar skim deposit rumah selepas raya

**SHAH ALAM** - Skim Bantuan Biaya Rumah Selangor bagi membantu orang ramai menyediakan bayaran pendahuluan untuk membeli kediaman dilancarkan selepas sambutan Aidilfitri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan kira-kira 60 peratus individu yang ditawar Rumah Selangorku tidak memiliki wang deposit.

"Sekarang kita tunggu kertas kerja terakhir dan perincian dari Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Kita akan lihat pembangunan berterusan dan kemakmuran ini dikongsi bersama," katanya pada 17 Februari.

Dalam Belanjawan 2023, skim tersebut diperkenal menerusi peruntukan RM100 juta demi memastikan matlamat pemilikan kediaman dicapai dengan berkesan khususnya pembeli pertama.

## Beli vaksin guna duit tabung negeri

**KLANG** - Kerajaan Selangor menggunakan dana Tabung Amanah Warisan Negeri berjumlah kira-kira RM100 juta bagi membeli vaksin Covid-19.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan tiada pinjaman Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) dibuat untuk menjayakan program suntikan vaksin.

"Kita tidak ada buat pinjaman KWAN. Saya rasa ada khilaf (kenyataan) tentang pembelian vaksin itu. Lebih kurang RM100 juta kita keluarkan. Saya tidak rasa pembelian vaksin dibuat menerusi KWAN," katanya pada 18 Februari.

Pada 16 Februari, Ketua Audit Negara Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid memaklumkan Selangor dan Sabah belum mengembalikan dana KWAN iaitu peruntukan bagi membiayai perolehan vaksin.

**INSAN**  
SKIM INSURANS AM SELANGOR

## SELANGOR MELINDUNGI ANDA DAN KELUARGA

### SKIM INSURANS PERCUMA

- PERLINDUNGAN INSURANS AM BERKUMPULAN KEPADA **6 JUTA RAKYAT SELANGOR**
- DITAWARKAN KEPADA INDIVIDU BERUMUR BERMULA DARI **30 HARI SEHINGGA 80 TAHUN**
- PERLINDUNGAN INSURANS SEHINGGA **RM10,000** UNTUK HILANG KEUPAYAAN KEKAL DAN KEMATIAN DISEBABKAN KEMALANGAN

PENDAFTARAN BERMULA PADA **1 OKTOBER 2022** SEHINGGA **30 SEPTEMBER 2023**

TEMPOH INSURANS SELAMA **12 BULAN** DARI TARikh POLISI DIKELUarkan

PENDAFTARAN MELALUI APLIKASI **WAVPAY** E-WALLET \*TERTAKLUK KEPADA TERMA & SYARAT

Satu Lagi Inisiatif Kerajaan Negeri Selangor

Agensi Pelaksana: MBI (Menteri Besar Insurance Berhad)

Pengendali Perkhidmatan: AmGeneral Insurance

Ditanggung Jamin Oleh:

### ADAKAH ANDA LAYAK UNTUK MENDAFTAR?

- ANDA LAYAK JIKA NOMBOR KAD PENGENALAN ANDA DIDAFTARKAN DI NEGERI SELANGOR
- ATAU ALAMAT TERKINI ANDA DIDAFTARKAN DI DALAM NEGERI SELANGOR
- ATAU ANDA ADALAH PENGUNDI UNTUK NEGERI SELANGOR

### BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR?

- MUAT TURUN, PASANG DAN DAFTAR AKUAN APLIKASI WAVPAY E-WALLET
- KLIK PADA BANNER PROGRAM
- LENGKAPKAN MAKLUMAT SEHINGGA PROSES SELESAI

Imbas untuk muat turun aplikasi

Khidmat Pelanggan

Talian 1	+60162504199
Talian 2	+60164354199
Talian 3	+60164474199
Talian 4	+60162534199
Talian 5	+60162514199

E-mel: [Insanbantuan@wavpay.net](mailto:Insanbantuan@wavpay.net)  
Info lanjut, sila layari [www.wavpay.net](http://www.wavpay.net)

[www.wavpay.net](http://www.wavpay.net)  
[Wavpay System](#)  
[@wavpay](#)

Daftar skim insurans perlindungan RM10,000

**SHAH ALAM** - Penduduk di negeri ini dipelawa mendaftar Skim Insurans Am Selangor (INSAN) yang memberi perlindungan sehingga RM10,000 mulai 1 Oktober tahun lalu.

Perlindungan insurans berkumpulan yang dilaksanakan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI ditawarkan kepada individu berusia 30 hari hingga 80 tahun.

Pemegang nombor kad pengenalan negeri ini atau pengundi Selangor layak mendaftar inisiatif berkenaan.

Pendaftaran dibuka sehingga 30 September 2023. Maklumat lanjut layari laman sesawang [www.wavpay.net](http://www.wavpay.net)

Berikut langkah-langkah mendaftar INSAN:

- Muat turun aplikasi e-dompet Wavpay App Store atau Google Play
- Daftar sebagai pengguna Wavpay, isi butiran peribadi termasuk gambar depan dan belakang MyKad
- Selepas berjaya daftar, klik pada imej program INSAN
- Lengkapkan maklumat hingga selesai
- Pemohon berjaya boleh akses e-sijil insurans

Isu milikan tanah Bandar Sungai Buaya selesai

# Penduduk syukur terima geran

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

**HULU SELANGOR** - Kegusaran 50 pembeli rumah di Bandar Sungai Buaya, Rawang terhadap status pemilikan tanah berakhir apabila mereka menerima surat kelulusan pada 19 Februari.

Kakitangan swasta Safariza Jaafar, 37, berterima kasih atas kesungguhan pentadbiran negeri yang menyelesaikan kemelut hamir sedekad sejak membeli rumah di situ pada 2012.

"Ini bermakna saya jadi pemilik

yang betul. Selama ini sering tertanya-tanya status rumah di tanah berkenaan kerana geran rumah itu berantai (melibatkan banyak pihak).

"Banyak proses terpaksa dibuat termasuk melantik peguam. Tanpa bantuan Kerajaan Selangor, mungkin tempoh menunggu untuk dapat hak milik lebih lama. Saya bersyukur akhirnya isu ini terlurai," katanya.

Pesara Nor Azman Mat Rani, 62, pula menyifatkan dokumen itu bukan sahaja menjamin haknya sebagai pemilik rumah, malah memudahkan proses pinjaman bank dan urusan jual beli kelak.

Bapa empat anak yang menanti dokumen itu sejak 23 tahun mengakui banyak proses berlangsung sebelum isu tersebut mendapat perhatian pentadbiran negeri.

"Selain masa menunggu lama, saya kena bayar RM4,000 kepada peguam untuk keluarkan surat hak milik sebelum Kerajaan Negeri mengusahakan perkara ini," katanya yang turut berterima kasih kepada pejabat tanah dan daerah.

Mereka memperoleh dokumen hak milik pada siri kedua program Jelajah Kita Selangor Penyayang di Oasis Batang Kali di sini, yang diserahkan EXCO Pembangunan Luar Bandar Borhan Aman Shah.



Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
23 Khamis	6:08	6:18	7:24	1:29	4:46	7:29	8:39
24 Jumaat	6:08	6:18	7:24	1:29	4:46	7:29	8:39
25 Sabtu	6:07	6:17	7:23	1:29	4:46	7:29	8:39
26 Ahad	6:07	6:17	7:23	1:29	4:45	7:29	8:38
27 Isnin	6:07	6:17	7:23	1:29	4:45	7:29	8:38
28 Selasa	6:07	6:17	7:23	1:29	4:44	7:29	8:38
01 Rabu	6:07	6:17	7:22	1:28	4:43	7:29	8:38

Klang dan Kuala Langat

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
6:08	6:18	7:25	1:30	4:47	7:30	8:40
6:08	6:18	7:25	1:30	4:46	7:30	8:40
6:08	6:18	7:24	1:30	4:46	7:30	8:40
6:07	6:17	7:24	1:30	4:45	7:30	8:40
6:07	6:17	7:24	1:29	4:45	7:30	8:39
6:07	6:17	7:24	1:29	4:44	7:30	8:39
6:07	6:17	7:23	1:29	4:43	7:30	8:39

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
6:10	6:20	7:26	1:32	4:49	7:31	8:41
6:10	6:20	7:26	1:32	4:48	7:31	8:41
6:10	6:20	7:25	1:31	4:48	7:31	8:41
6:10	6:20	7:25	1:31	4:47	7:31	8:41
6:09	6:19	7:25	1:31	4:47	7:31	8:41
6:09	6:19	7:25	1:31	4:46	7:31	8:41
6:09	6:19	7:24	1:31	4:46	7:31	8:40



**KREATIF...** Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Ahmad Azri Zainal Nor (berdiri, dua kiri) dan Timbalan Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Suziana Abd Hamid bersama peserta Bengkel Bina Permainan di Pustaka Raja Uda, Shah Alam pada 21 Februari. Foto AHMAD ZAKKI JILAN ► BERITA MUKA 24

Tidak putus asa buat permohonan

# Rumah Selangorku murah, selesa

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

**KLANG** - Jururawat tidak berputus asa memohon Rumah Selangorku sebelum akhirnya ditawarkan membeli kediaman tersebut tiga tahun kemudian.

Permohonan Norazura Ahmad, 30, untuk memiliki kediaman yang disifatkaninya murah di lokasi strategik pada 2019 ditolak tetapi beliau terus mencuba.

"Saya tidak putus asa. Saya isi lagi beberapa kali dan tahun lepas permohonan diterima. Harga ditawarkan murah berbanding pemaju lain malah lokasi juga di bandar."



"Ketika tengok rumah contoh, saya tertarik. Kawasan kediaman lengkap kemudahan. Dua tahun lagi, saya miliki rumah di bandar di Bukit Raja (Klang)," katanya.

Permohonan mekanik Lim Hong Kian, 36, juga pernah ditolak tetapi beliau tidak putus harap berikutnya harga rumah murah berbanding tempat lain.

Beliau menyifatkan penantian bersama isteri berbaloi apabila menerima tawaran Rumah Selangorku Gamelan di Klang pada harga RM200,000.



"Kalau beli dari tempat lain, saya tidak dapat harga ini. Lama saya dan isteri tunggu permohonan lulus. Sebelum ini pernah ditolak tapi kami usaha lagi dan tetap tunggu."

"Projek Rumah Selangorku memang membantu penduduk terutama yang berpendapatan rendah memiliki kediaman sendiri. Harap usaha ini diteruskan," katanya.

Mereka bersama enam individu lain menerima surat tawaran Rumah Selangorku daripada Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dalam program Jelajah Kita Selangor Penyayang di Pangaspuri Seri Perantau di sini pada 18 Februari.

## Kediaman untuk orang bujang

**KUALA LUMPUR** - Rumah satu bilik di kawasan bandar raya diperkenal untuk membantu orang bujang memiliki kediaman, kata EXCO perumahan.

Rodziah Ismail berkata kediaman seluas 450 kaki persegi pada harga maksimum RM114,750 akan dibangunkan di Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya.

"Ini antara usaha kerajaan bagi menuhi permintaan majoriti pemohon berusia bawah 30 tahun yang rata-rata bujang dan baharu dalam dunia pekerjaan," katanya pada 16 Februari.

Rodziah menambah inisiatif menerusi Dasar Perumahan Rumah Selangorku 3.0 antara proses penambahbaikan bagi membantu rakyat membeli rumah mampu milik.

Berdasarkan statistik, sebanyak 55 peratus pemohon berusia 29 tahun ke bawah, usia 30 hingga 49 tahun (44 peratus) dan satu peratus golongan berusia 50 tahun ke atas.

"Penyediaan rumah satu bilik dilaksanakan di negara maju seperti Singapura dan United Kingdom yang

dibangunkan di kawasan berkepadatan tinggi," katanya.

Rodziah berkata Rumah Selangorku 3.0 mensyaratkan sesebuah kediaman dibangunkan di kawasan pembangunan berorientasi transit (TOD), pembangunan bersebelahan transit (TAD) atau kawasan pusat perniagaan (CBD).

Beliau menambah Rumah Selangorku 3.0 turut menawarkan kediaman dua bilik (duo), tiga bilik (trio), empat bilik (quad) dan bertanah pada harga antara RM153,000 hingga RM250,000.

## Mohon dana baiki kemudahan asas

**KLANG** - Kerajaan Selangor memohon peruntukan kerajaan persekutuan bagi membaik pulih kemudahan dan prasarana pangaspuri kos rendah di negeri ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kebanyakan kediaman semacam dibina pada awal 1970-an dan 1980-an menyebabkan keadaannya tidak lagi selesa diduduki.

"Semalam (17 Februari), saya bersama perdana menteri bersolat di Sepang. Antara isu penting yang saya sampaikan adalah rumah kos rendah. Biasanya tentang penyelenggaraan termasuk air, elektrik dan utiliti."

"Saya mengharapkan dana khas kerajaan persekutuan untuk pastikan keselesaan penduduk di pangaspuri kos rendah," katanya pada 18 Februari.

## Kerjasama anak syarikat negeri

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor mengalukan kerjasama anak syarikat dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi membina lebih banyak rumah mampu milik di negeri ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha bersepada itu memberi dampak besar bukan hanya kepada penduduk Selangor tetapi juga Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Kita alu-alukan penglibatan anak syarikat terutama yang ada modal besar. Lazimnya yang bekerja di Lembah Klang memilih Selangor sebagai tempat kediaman."

"Kediaman selesa mampu melahirkan sumber manusia berkualiti, berkemampuan, tenang dan tidak tertekan walau berdepan cabaran urbanisasi," katanya pada 17 Februari.

## Daftar segera skim air percuma

**SHAH ALAM** - Penduduk di negeri ini disaran memohon skim air percuma 20 meter padu sebulan menerusi Skim Air Darul Ehsan (SADE).

Pendaftaran boleh dibuat menerusi pautan [www.airselangor.com/residential/skim-air-darul-ehsan](http://www.airselangor.com/residential/skim-air-darul-ehsan) di laman sesawang Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

Pada Ogos tahun lalu, Dato' Menteri Besar memaklumkan kira-kira 100,000 lagi akaun pengguna bakal menikmati skim berkenaan dengan kos lebih RM30 juta ditanggung sepenuhnya Kerajaan Selangor.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata lebih 300,000 akaun pengguna menikmati skim berkenaan setakat Oktober 2022 dengan pendaftaran masih terbuka kepada penduduk Selangor sehingga 31 Disember 2024.

## Kerap pantau tempat biak Aedes

**SHAH ALAM** - Menghapuskan pusat pembiakan Aedes cara paling berkesan untuk mengawal wabak denggi, kata EXCO kesihatan awam.

Dr Siti Mariah Mahmud berkata masyarakat diminta melaksanakan amalan 10 minit seminggu bagi menghapus tempat pembiakan di rumah mereka.

Beliau menambah kawasan paling mudah menjadi tempat pembiakan antaranya lorong belakang kediaman, kereta terbiar, rumah kosong terutama pangsapuri yang tiada penghuni dan kebun tanpa izin.

"Pastikan tiada tempat yang boleh menakung air secara terbuka seperti pasu bunga dan alasnya, bekas simpanan air, bekas penapis air dan tayar terbiar.

"Nyamuk yang dijangkiti virus denggi akan menghasilkan telur yang turut ada virus sama. Jadi, kitaran itu amat susah untuk kita pecahkan. Cara terbaik kena hapuskan tempat pembiakan nyamuk.

"Cara lain bersifat sementara termasuk semburan termal (fogging) yang hanya membunuh nyamuk dewasa," katanya pada 16 Februari.

Beliau berkata orang ramai juga boleh menghalang gigitan nyamuk menggunakan semburan nyamuk serta pemasangan jaring di tingkap rumah.

Operasi tumpu empat daerah

# Cegah kes denggi meningkat

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

**SHAH ALAM** - Operasi Bersepadu Denggi Selangor dijalankan bagi memastikan bilangan kes demam denggi di negeri ini turun.

EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah Mahmud berkata operasi itu antara 15 Februari hingga 22 Mac tertumpu kepada kawasan yang mencatatkan kumulatif kes tertinggi iaitu Petaling, Hulu Langat, Klang dan Gombak.

Beliau menjelaskan kitaran kes berkenaan di Malaysia dalam tempoh 20 tahun menunjukkan peningkatan tinggi setiap empat hingga lima tahun jika langkah pencegahan awal tidak dibuat.



"Setiap lima tahun, kes dijangka memuncak. Kali terakhir pada 2019 sebanyak 72,543 kes direkod. Jadi, pada 2024 kita jangka berlaku lagi (jika tidak dikawal dari sekarang).

"Sehingga 11 Februari, sebanyak 6,870 kes dicatat, meningkat 141.4 peratus berbanding tempoh sama pada 2022," katanya.

Dr Siti Mariah berkata dana hampir RM1 juta disediakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat melalui pelbagai pendekatan termasuk pengagihan penghalau nyamuk, semburan aerosol dan penguatkuasaan dari rumah ke rumah.

Beliau menambah operasi itu melibatkan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi kerajaan termasuk pihak berkuasa tempatan serta agensi su-

karelawan berkaitan denggi termasuk Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor.

Katanya, pelbagai langkah diam-bil sepanjang tahun bagi memerangi denggi termasuk pertandingan bebas denggi pada peringkat masyarakat setempat.

"Selain itu, dana disalur kepada agensi sukarelawan atau persatuan penduduk untuk membasmi tempat pembiakan, semburan termal selain makluman lokaliti panas dengan supaya langkah pencegahan segera dapat dibuat.

"Penguatkuasaan dari rumah ke rumah untuk menghapus tempat pembiakan denggi akan turut digiatkan. Jika ada rumah yang dikesan menjadi tempat pembiakan denggi, mereka boleh dikenakan kompaun RM500," katanya.



**Gombak  
Tapak Bazar Ramadan,  
Taman Melawati**

**25 Februari 2023  
Sabtu, 9 pagi - 5 petang**

**Kuala Selangor  
Dataran Esplanad,  
Eco Grandeur, Puncak Alam**

**26 Februari 2023  
Ahad, 9 pagi - 5 petang**

**Jelajah  
#KitaSelangor  
Penyayang**



**SABAR...** Penduduk sekitar Puncak Alam tidak melepaskan peluang mendapatkan barang keperluan asas di Jelajah Ehsan Rakyat peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Jeram di tapak pasar malam Alam Jaya, Kuala Selangor pada 25 Februari. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Pencemaran tidak lagi jejas pengguna

# Tampung bekalan air lima hari

Oleh SOFIA NASIR

**SEPANG** - Sistem sokongan bekalan yang masih dalam pembinaan di Sungai Selangor dan Sungai Semenyih bakal mengatasi masalah penyaluran air kepada orang ramai meski pencemaran berlaku.

EXCO infrastruktur berkata sumber air mentah alternatif daripada Sistem Penyekatan Hibrid Pinggir Sungai (HORAS) 600 di Sungai Selangor dan kolam takungan (Pond C) di Sungai Semenyih menyediakan sehingga 67 peratus bekalan.

Ir Izham Hashim menjelaskan keduanya projek tersebut membantu menghalang loji rawatan air (LRA) daripada

merawat sumber air tercemar dari sungai sehingga masalah kualiti air diselesaikan sekali gus mengelakkkan henti tugas.

"Biasanya, LRA Sungai Semenyih menerima air terus dari sungai tetapi dengan adanya kolam takungan, ia digunakan jika berlaku pencemaran di sungai."

"Apabila pencemaran dikesan, kita alih air sungai daripada masuk ke LRA dan gunakan kolam. Ia mampu bertahan sehingga lima hari," katanya merujuk pelaksanaan inisiatif Skim Jaminan Air Mentah (SJAM).

Terdahulu, beliau bersama Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan) Dato' Johary Anuar meninjau perkembangan projek kolam

takungan (Pond C) Sungai Semenyih di sini pada 16 Februari.

Ir Izham menambah kedua-dua projek yang menelan kos RM85 juta dan 54 peratus siap dijangka beroperasi pada Oktober ini seterusnya mengatasi isu bekalan di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya.

Beliau juga menjelaskan kolam takungan Sungai Semenyih menampung kira-kira 12 peratus daripada keseluruhan bekalan air Selangor membabitkan Putrajaya, Puchong dan Petaling Jaya.

SJAM adalah inisiatif bagi menangani masalah gangguan bekalan air akibat pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor dan Sungai Langat.

## Bawa 10 syarikat pemula ke AS

**SHAH ALAM** - Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) membawa 10 syarikat pemula di Malaysia untuk menyertai program Pitch Malaysia USA Series di Amerika Syarikat pada 25 April.

EXCO pelaburan berkata program julung kali yang berlangsung hingga 3 Mei antara acara utama bertujuan memberi pendedahan kepada syarikat

pemula untuk lebih berdaya saing.

Dato' Teng Chang Khim menjelaskan kriteria untuk menyertai program tersebut antaranya syarikat pemula berstatus pemerbadanan (Incorporated) kurang 10 tahun di Malaysia dan lebih kepada penggunaan teknologi berinovatif.

"Selain itu, syarikat menghasilkan pendapatan sebenar sekurang-kura-

ngnya AS\$1 juta (RM4.35 juta) dalam tempoh setahun. Kita melihat secara menyeluruh dan bukannya sekadar penubuhan syarikat semata-mata.

"Kita menitik berat syarikat pemula berkaitan teknologi atau penggunaannya. Syarikat pemula ini tidak semestinya yang mencipta teknologi asalkan dapat memberi perkhidmatan lebih baik," katanya pada 14 Februari.

## Pakar sedia bantu kembang niaga

**SHAH ALAM** - Program Pemecut Selangor (SAP) bermula pada Jun membantu usahawan mengembangkan perniagaan, kata EXCO perdagangan.

Dato' Teng Chang Khim berkata syarikat pemula yang menyertai program itu dibimbing Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec).

"Syarikat pemula terlibat akan diberi latihan insentif yang melibatkan pakar dalam perkara diperlukan supaya dapat menjayakan perniagaan diceburi," katanya.

Beliau menambah lima bidang utama dalam program itu ialah bidang teknologi kesihatan, teknologi kewangan, bandar pintar, teknologi hijau dan teknologi pertanian.

"Namun, ada tambahan sektor alam sekitar, sosial dan tadbir urus," katanya pada 14 Februari.

## Periksa gigi, mata, telinga percuma

**SHAH ALAM** - Tiga perkhidmatan baharu ditambah dalam program pemeriksaan kesihatan percuma pada tahun ini meliputi telinga, gigi dan perkhidmatan fisioterapi, kata EXCO kesihatan awam.

Dr Siti Mariah Mahmud berkata sebanyak RM2.6 juta diperuntuk bagi meneruskan program Selangor Saring yang menasar 31,000 penerima di seluruh negeri, lapor Bernama.

"Program itu turut meliputi penyakit tidak berjangkit iaitu jantung, kencing manis, darah tinggi dan buah pinggang. Kedua, penyakit barah iaitu kolorektal, prostat, pangkal rahim dan payudara."

"Turut disaring, penyakit berkaitan mata iaitu rabun, glaukoma dan retina dan tiga skop perkhidmatan baharu itu," katanya pada 15 Februari.

Katanya, lebih 20,000 pendaftaran diterima tahun lalu selain mengenal pasti 49 peratus kes yang memerlukan tindakan susulan, konsultasi dan rawatan lanjut.

## Kes demam dengan naik 9.3 peratus

**SHAH ALAM** - Empat kematian akibat komplikasi demam dengan pada minggu epidemiologi ketujuh iaitu pada 12-18 Februari, kata ketua pengarah kesihatan.

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata sebanyak 2,149 kes demam dengan berbanding 1,967 kes minggu sebelumnya, iaitu peningkatan 182 kes atau 9.3 peratus.

"Kumulatif kes demam dengan yang dilaporkan hingga kini adalah 15,243 kes berbanding 4,950 kes bagi tempoh sama 2022, iaitu peningkatan 10,293 atau 207.9 peratus.

"Sebanyak 13 kematian akibat komplikasi demam dengan dilaporkan berbanding satu kematian bagi tempoh yang sama pada 2022," katanya.

## Cadang perkenal bayaran tanpa tunai

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) mahu memperkenal bayaran tanpa tunai bagi memudahkan urusan jual beli dalam program Jelajah Ehsan Rakyat (JER).

Ketua pegawai eksekutif kumpulannya berkata kajian perlu dibuat bagi memastikan kekangan yang dihadapi pihaknya dapat diatasi sebelum pelaksanaannya dijalankan.

"Memang ada kekangan sebab lokasi JER tidak statik dan berubah setiap hari. Kena kaji betul-betul sebelum laksanakan," kata Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi pada 20 Februari.

Beliau menjelaskan PKPS mungkin menggunakan kaedah pembayaran secara hibrid dengan mengambil kira liputan internet di sesebuah kawasan JER.

## Jualan murah untuk polis, bomba

**SHAH ALAM** - Dewan Undangan Negeri (DUN) Teratai julung kali mengadakan program Jelajah Ehsan Rakyat (JER) khas untuk pasukan berseragam pada 14 Februari.

Penyelaras DUN berkata jualan murah bermula 9.30 pagi di balai bomba Pandan Indah itu dikunjungi 300 orang antaranya ahli keluarga polis, bomba dan penguasa Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Menurut Alice Tan, enam barang asas yang ditawarkan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) termasuk 500 papan telur habis dalam tempoh satu jam setengah.

"Program ini bagi menghargai jasa pasukan berseragam dan pihak berkuasa tempatan yang bertugas tanpa kira masa demi ketenteraman dan kesejahteraan rakyat," katanya.

## Kesedaran guna beg sendiri meningkat

**SUBANG JAYA** - Kesedaran orang ramai untuk membawa beg sendiri ketika berbelanja di Jelajah Ehsan Rakyat (JER) peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Serdang semakin tinggi.

Pembantu Am Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) Siti Aishah Solaiyah Abdul Halim Hapiz berkata perkembangan itu menunjukkan hebatan pihaknya dan pejabat DUN sampai kepada rakyat.

"Kita berterima kasih kepada pejabat DUN kerana membantu membuat hebatan memandangkan boleh kata setiap pembeli bawa beg sendiri. Kami menghargainya.

"Sehelai beg plastik disediakan untuk pembelian barang basah seperti ayam, daging atau ikan. Jika pembeli perlukan lebih untuk barang lain, mereka dicaj 20 sen," katanya pada 15 Februari.

## 100 hari pentadbiran Anwar

**SHAH ALAM** - Datuk Seri Anwar Ibrahim memenuhi ranjau berliku nan panjang sebelum mengangkat sumpah sebagai perdana menteri ke-10 pada 24 November.



Edisi 2-8 Mac mengupas kejayaan kerajaan pimpinannya dalam memberi segenap lapisan masyarakat sepanjang 100 hari pentadbiran.

Berdamping dengan rakyat miskin sejak alam mahasiswa, Anwar melalui pelbagai kementerian memperkenal inisiatif yang meringankan beban golongan berpendapatan rendah.

Usaha itu antaranya dana RM1.67 bilion untuk 8.7 juta golongan B40 yang menerima bantuan wang tunai selain pengenalan Menu Rahmah, hidangan bawah RM5 bagi meringankan kos sara

hidup rakyat.

Selain itu, Anwar yang juga menteri kewangan menyediakan bantuan persekolahan RM150 untuk setiap murid tanpa mengira tahap pendapatan keluarga dalam pembentangan Bajet Mini 2023.

Beliau juga berusaha mengurangkan perbelanjaan kerajaan termasuk membuat potongan gaji seterusnya melunas hutang negara yang mencecah kini RM1.5 trillion.

Kabinet Anwar juga mencari kaedah penyelesaian sementara bagi menangani isu kepentingan rakyat yang mendesak antaranya kekurangan bekalan telur dan ayam.

Pancawarna minggu depan turut memperinci intipati Belanjawan Persekutuan 2023 yang dibentang pada 24 Februari.

### Tiba seawal 7 pagi

## Borong beras untuk asnaf, keluarga B40

Oleh DIANA ABD WAHAB

**GOMBAK** - Suri rumah mengunjungi beberapa lokasi program Jelajah Ehsan Rakyat (JER) bagi membeli 20 kampit beras untuk diberi kepada golongan berpendapatan rendah (B40) dan asnaf.



Tiba di lokasi jualan seawal 7 pagi, Cut Nasry Tengku Nyak, 47, dan rakananya membeli 20 kampit pada 13 Februari dan tujuh lagi keesokannya.

"Selain beri pada golongan memerlukan, saya juga makan beras yang dibeli pada program ini. Walaupun murah rasanya enak sama seperti beras dijual di pasar raya.

"Beras jualan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor berkualiti dan tidak mudah basi walaupun tidak disimpan dalam peti sejuk," katanya ketika ditemui di pekarangan Masjid Cahaya Iman Bandar Country Homes, Rawang.

Pekerja kilang Mohd Jaimis Marahom, 51, pula sanggup beratur lebih sejam walaupun buku lalinya patuh akibat kemalangan demi mendapatkan barang pada harga rendah.

"Kini, masuk bulan ketiga saya cuti sakit. Majikan tidak bayar gaji, jadi saya sanggup beratur walaupun kaki bengkok untuk beli barang keperluan pada harga murah.

"Anak-anak masih bersekolah, jadi

kami memang kena jimatkan perbelanjaan memandangkan sesi persekolahan akan bermula tak lama lagi. Banyak belanja diperlukan," katanya.

Bagi pesara Devi Perumal Ratnam, 64, yang pertama kali mengunjungi program tersebut teruja untuk merasai pengalaman membeli-belah di situ.

"Saya terkejut kerana saiz ayam dan telur di sini besar namun harganya murah. Memang di pasar raya tidak dapat tandingi potongan harga yang ditawarkan di sini."

"Saya tidak kesah walaupun terpaksa beratur kerana berbaloi beli barang di sini memang banyak saya dapat berjimat," katanya.

## Peniaga gulung tikar lega ada JER

**GOMBAK** - Peniaga pasar malam yang perniagaannya gulung tikar ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)



bersyukur ada program jualan murah bagi menampung kehidupan keluarga.

Norlela Aliuddin, 48, hanya mengharapkan pendapatan suami sebagai buruh binaan untuk menampung perbelanjaan selepas peniagaan selipar ditutup.

"Perniagaan selipar kami jatuh. Kini,

hanya bergantung pada gaji suami sebagai buruh binaan. Jika diikutkan, mungkin tidak cukup."

"Jika tiada program ini, susah bagi kami yang ada keluarga ramai. Mujur ada Jelajah Ehsan Rakyat (JER). Saya terharu dan bersyukur," kata ibu kepada empat anak.

Ketua Kampung Selayang Indah Abdul Halim Sulaiman, 53, berkata program itu tanda pemimpin cakna keperluan rakyat.

"Pada saya, Kerajaan Negeri sedia ada

ini perlu dikekalkan kerana kita mahu lihat lebih banyak lagi inisiatif untuk keperluan rakyat dan menjadi contoh kepada negeri lain," katanya.

Terdahulu, lebih 500 penduduk kampung itu ke program JER peringkat Dewan Undangan Negeri Taman Templer pada 16 Februari.

Ayam dijual RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepahan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM10).



## Terus Hidup buat ayah yang tiada

Oleh INTAN SYUHADA AKHIR

**K**elainan persembahan pemenang Anugerah Juara Lagu (AJL) ke-37, Aina Abdul di Axiata Arena, Bukit Jalil pada 12 Februari masih diperkatakan peminat muzik tanah air.

Tuah lagu ciptaaninya, Terus Hidup turut menobatkan beliau pemenang vokal terbaik mengalahkan penyanyi seperti Shila Amzah, Ernie Zakri, Marsha Milan Londoh dan Dayang Nurfaizah.

Kemenangan penyanyi berumur 30 tahun itu melayakkannya membawa pulang wang berjumlah RM112,000 beserta trofi.

Bertemu Selangorkini di belakang pentas sejurus tamat AJL, pemilik nama penuh Nurul Aina Abdul Ghani tersenyum bangga dan mengakui lama mengimpikan kemenangan itu.

“Saya bermula pada 2015 ketika memasuki program nyanyian Mentor Legend. Waktu itu ramai yang mengenal saya sebagai Aina Mentor Legend dan saya akui bukan mudah untuk mendaki nama dalam industri hiburan ini.

“Saya menyepi selama empat tahun selepas itu, bukan kerana saya merajuk. Tapi kerana saya sedang asah bakat nyanyian dengan bernyanyi di kelab malam. Kesusahan itulah yang membuatkan saya boleh bernyanyi dan bercerita pengalaman saya sendiri hari ini.

“Saya memang ada harapan yang sangat besar untuk lagu Terus Hidup. Saya tak tipu, memang saya nak sangat rasa kemenangan ini. Ini semua berkat doa ibu dan peminat yang selalu menyokong saya. Saya juga nak tujukan kemenangan ini buat arwah bapa,” katanya.

Bapa Aina, Abdul Ghani Abdullah meninggal dunia akibat serangan jantung di dalam kereta semasa menunggu Aina menyertai uji bakat nyanyian di sebuah pusat beli-belah di ibu negara pada 2008.

Aina sukar melupakan insiden ketika berumur 15 tahun sehingga pernah menyalahkan diri sendiri atas perkara menimpa bapanya.

Bagi mengingati peristiwa berkenaan, Aina memilih persembahan serba putih berkonsep awan di pentas akhir AJL sebagai simbolik buat bapa yang sentiasa menyokong kariernya.

“Saya dedikasikan lagu Terus Hidup untuk ayah yang pergi meninggalkan saya. Saya anggap beliau seperti awan. Semasa akhir persembahan, anda lihat ada awan jatuh dari atas.

“Anggap sahaja itu adalah sebutir awan



dari pada kuburan. Sebutir awan itulah memberi saya kekuatan untuk melepaskan,” ceritanya.

### Habis RM85,000

Tidak hanya vokal, busana yang disarung Aina setiap kali muncul di pentas sering menjadi bualan.

Meletakkan kepercayaan kepada pereka fesyen terkenal tanah air, Melinda Looi, busana Aina menggunakan lebih 200 meter kain dengan berat sehingga 10 kilogram.

“Tahun lalu saya banyak terlibat dengan kerja di luar negara. Di dalam pesawat, selalu duduk di tepi tingkap. Jadi ada banyak gambar awan di dalam galeri telefon bimbit. Awan pula ada banyak bentuk, ada bergulung, ada macam gula-gula kapas.

“Jadi saya gunakan khidmat Melinda Looi untuk merealisasikan konsep itu. Ada banyak jenis awan di dalam busana saya. Saya percaya Melinda Looi

kerana dia sahaja yang faham kegilaan saya,” katanya ketawa.

Aina turut menggunakan khidmat kru seramai 30 orang. Penyanyi itu juga berhabis sehingga RM85,000 untuk AJL.

“Memang saya akan laburkan sedikit wang untuk hasil yang berbaloi. Tambahan saya ada sedikit rezeki dan ruang untuk digunakan pada malam persembahan,” katanya.

Seramai 11 peserta berentap merebut gelaran juara di acara berprestij itu. Naib juara dimenangi lagu Satu Malam Di Temasek nyanyian SonaOne dan Joe Flizzow. Diikuti Anugerah Terindah nyanyian Alif Satar & The Locos di tempat ketiga.

Pertandingan diadili juri profesional iaitu Datuk Acis, Altimet, Norynn Aziz, Jari, AD Samad, Khir Rahman, Damien Mikhail, LY dan Datuk Mokhzani Ismail selaku ketua.

**Aina sukar melupakan insiden ketika berumur 15 tahun sehingga pernah menyalahkan diri sendiri atas perkara menimpa bapanya**

Oleh NAZLI IBRAHIM  
Foto FIKRI YUSOF

**P**asangan suami isteri sanggup meninggalkan kerjaya sebagai arkitek dengan pendapatan hampir RM17,000 sebulan demi memiliki perniagaan sendiri.

Itu risiko diambil Tabizi Tahir, 38, dan Tina Rashidi, 33, pengasas Kalima Textile. Tina berhenti kerja pada 2017.

Bermodal RM1,000, ibu kepada dua cahaya mata itu memulakan perniagaan kain ela di rumah dengan menjadikan Instagram platform jualan.

Tabizi dengan gaji mencecah lima angka turut meletak jawatan pada 2021 demi membantu isterinya menguruskan perniagaan.

Ternyata keputusan itu berbaloi apabila dalam tempoh setahun kemudian, mereka memperoleh jualan sejuta ringgit pertama.

Mengimbau fasa awal perniagaan pada 2018, Tina ke Indonesia sebelum ke China bagi mendapatkan lebih banyak bekalan kain ela dengan corak eksklusif dan murah.

Pada awalnya, hanya sedikit kain dibeli berdasarkan tempahan tetapi disebabkan permintaan banyak, beliau memberanikan diri membeli secara pukal.

Pembeli kain ela keluaran Kalima Textile bukan sahaja terdiri daripada individu tetapi meliputi syarikat pengeluar busana jenama terkenal.

“Sambutan semakin baik. Pada 2021, kami ambil keputusan untuk daftar syarikat sendirian berhad dan buka kedai di sini.

“Pada masa sama, saya berhenti kerja. Masa berhenti kerja gaji lebih RM10,000. Lima bulan pertama urus perniagaan, mula-mula tak ambil gaji. Bulan keenam baru ambil RM5,000 untuk gaji pertama saya.

“Memang bergelut sebab komitmen banyak tetapi kelebihan kerja sendiri ini ada banyak masa dengan keluarga,” kata Tabizi yang berasal dari Kelantan.

#### Sejuta pertama

Jualan Kalima Textile laris pada Oktober 2021 apabila menerima banyak tempahan syarikat pengeluar pakaian bagi kempen raya 2022.

Dalam tempoh Oktober 2021 hingga musim raya pada Mei 2022, jenama itu mencatatkan jualan lebih RM1 juta.

Selepas berakhir musim perayaan, jualan Kalima Textile terus meningkat kepada RM1.5 juta menjelang Disember 2022.

Selepas itu, Kalima Textile mula mengeluarkan pakaian siap seperti kaftan, abaya, gaun, baju kurung dan kurta.



# Tuah tinggal kerjaya arkitek



Perniagaan mereka dibantu tiga tukang jahit mahir. Pasangan itu juga mengupah kilang jahit untuk menghasilkan pakaian rekaan sendiri dalam kuantiti banyak.

Memilih fesyen berkonsep busana sopan, rekaan Kalima Textile sering digayakan selebriti antaranya Neelofa, Ameera Khan, Intan Najwa, Ella, Sherry Ibrahim dan Nabila Razali dalam acara berprestij atau muncul di kaca televisyen.

#### Menang anugerah

Busana rekaan mereka mendapat pengiktirafan apabila memenangi acara Pemecut Fesyen Selangor anjuran Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) ketika Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Oktober 2022.

Kalima Textile menewaskan 21 pesaing apabila meraih anugerah jualan tertinggi dan rekaan terbaik oleh Malaysia Bumiputra Designer Association



(MBDA) dalam My Gaya Month 2022 di pusat beli-belah Fahrenheit, Kuala Lumpur.

“Kami bertemu Sidec pada Ogos 2022. Banyak Sidec ajar macam mana penjenamaan dan cara lindungi perniagaan. Sidec ada kelas mingguan. Saya dapat banyak ilmu dalam kelas ini.

“Dulu kalau mahu sertai acara atau ekspo, kena cari tetapi dengan Sidec ini, orang cari kita tawarkan tapak rerulei. Masa mula-mula buka rerulei, orang tak yakin jenama kita. Sekarang sampai Singapura dengan Brunei orang cari kita,” kata Tina kepada Selangorkini pada 27 Januari.


Selain menyertai Sidec, Kalima Textile juga membuat pinjaman Yayasan Hijrah (Hijrah) RM50,000 untuk modal pusingan bagi kempen raya 2022.

“Mahu buat pinjaman bukan mudah. Ada yang hina kita, takut kita muflis, macam-macam. Mujur ada Hijrah yang pandang kita walau baru naik,” kata Tina.

Ketika ini, pakaian jenama Kalima Textile dipasarkan di butik fesyen berprestij Sofia Iman di pusat beli-belah Suria Kuala Lumpur City Centre.

Tina dan Tabizi merancang membawa jenama mereka menembusi pasaran di Dubai, Emiriah Arab Bersatu dan Qatar.

# Tabik terakhir stadium keramat



Oleh FAYSAL AMANI

**S**tadium Shah Alam - 'rumah Gergasi Merah' menyimpan 1,001 nostalgia suka duka. Jasanya cukup besar terhadap pembangunan sukan negara, khususnya bola sepak.

Segalanya bermula apabila stadium itu dibuka secara rasmi menanda era baharu sukan di Malaysia yang merakam banyak sejarah.

Majlis perasmian stadium berkapasiti kira-kira 80,000 penonton yang dibina dengan kos RM460 juta disempurnakan oleh Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj pada Julai 1994.

Upacara gilang-gemilang itu dihadiri lebih 120,000 orang, 40,000 melebihi kapasiti sehingga ribuan penonton terpaksa bersila di trek.

Perlawanan bola sepak pertama di stadium terbesar di Asia Tenggara ketika itu menemukan Pilihan Selangor dan kelab Scotland, Dundee United sejurus upacara pembukaan.

Aksi berkesudahan seri 1-1 dengan pemain Dundee, William McKinlay menjadi pemain pertama menggegar jaring gol di Stadium Shah Alam. Gol penyamaan Pilihan Selangor dijaringkan Allahyarham Annuar Abu Bakar.

Perlawanan pertama Selangor bagi saingan Liga Malaysia di stadium keramat itu selepas berpindah dari Stadium Merdeka ialah bertemu Perlis pada 30 Julai 1994. Selangor menang 3-0.

Aksi Selangor bertemu Kedah pada peringkat kumpulan Piala Malaysia

1994 mencatat sejarah apabila pertama kali saingan liga tempatan dibanjiri lebih 80,000 penonton yang memenuhi stadium. Perlawanan berakhir Kedah menang 1-0 hasil jaringan Jan Janostak.

Tahun 1994 juga menyaksikan pertama kali perlawanan akhir Piala Malaysia berlangsung di situ menemukan Singapura dan Pahang. Singa Selatan menang 4-0 menerusi jaringan hatrik Abbas Saad.

## Sejarah tercipta

Sejarah turut tercipta pada 1995 apabila skuad Manchester United bimbingan Sir Alex Ferguson turun ke Stadium Shah Alam dalam dua aksi persahabatan dengan Pilihan Selangor.

Pemain bintang ketika itu ialah Peter Schmeichel, Steve Bruce, Gary Neville, Paul Scholes, Nicky Butt, Roy Keane, Lee Sharpe, David Beckham dan Phil Neville.

Perlawanan pertama berkesudahan United menang 4-1, aksi kedua beberapa hari kemudian sekali lagi The Red Devils menang, kali ini 2-0.

Kelab ternama yang pernah beraksi di stadium sama ialah Chelsea, Barcelona, Sevilla, Flamengo, Bayern Munich dan Tottenham Hotspur.

Tahun 1995 hingga 1997 pula tersimpan detik gemilang Red Giants yang menjulang Piala Malaysia tiga kali berturut-turut di Stadium Shah Alam.

Sayangnya rentetan temasya yang gemilang itu telah berlalu. Stadium Shah Alam bukan sahaja berdepan isu keselamatan membabitkan struktur bumbung, malah kemudahan lain

dalam keadaan daif. Beberapa kali peruntukan mencecah puluhan juta ringgit dikeluarkan untuk baik pulih kemudahan stadium dan padang, tetapi tidak bertahan lama berikutan masalah penyelenggaraan sejak sekian lama.

Usia 29 tahun kalau diikutkan sebenarnya 'masih muda', tetapi keadaan stadium itu umpama terlalu tua akibat tidak diselenggara dengan baik dan tidak diberi perhatian sewajarnya.

Lantaran itu, Kerajaan Negeri bawah pimpinan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengambil langkah membangunkan semula Stadium Shah Alam dan kawasan sekitarnya.

'Stadium Shah Alam versi baharu' yang serba moden dijangka siap tiga tahun lagi.

Lebih manis, Selangor FC turut mengabadikan Stadium Shah Alam sebagai inspirasi jersi tuan rumah musim ini bertema 'Tabik Terakhir' sebagai mesej penghormatan kepada stadium keramat ini.

Stadium yang akan dibina bermula tahun ini mempunyai kapasiti antara 35,000 hingga 45,000 penonton dilengkapi sistem penyejukan tempat duduk.

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI memaklumkan, projek pembangunan semula Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) dengan keluasan 76.08 hektar itu bertaraf dunia.

Ia merangkumi 60 peratus keseluruhan kawasan projek pembangunan, selebihnya 40 peratus menempatkan ruang rekreasi awam dan ruang komersial.





Amirudin bersama penerima surat tawaran Rumah Selangorku di Pangaspuri Seri Perantau, Klang. Sehingga Julai lalu, Kerajaan Negeri tawar 47,861 unit rumah kepada pemohon yang berjaya



Kakitangan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd membantu pengunjung mengisi borang pendaftaran air percuma. Keluarga berpendapatan bulanan RM5,000 ke bawah layak menikmati skim tersebut



Orang ramai melihat model Rumah Selangorku kategori Idaman di JKSP Klang. Projek itu memberi peluang rakyat memiliki kediaman sendiri

Penyanyi Azlan Typewriter mendendangkan lagu popularnya Jangan Khianati Aku dalam persempahan di Klang



**Sayangi rakyat**

Kerajaan Selangor meneruskan bantuan rakyat sejak 2008 dengan paket lebih banyak manfaat. Jun tahun lalu, siri Jelajah Selangor Penyayang (JSP) dilancarkan bagi menghebahkan program kebajikan dengan konsep karnival di semua sembilan daerah.

Siri itu diteruskan menerusi Jelajah Kita Selangor Penyayang (JKSP) bagi mempromosi lebih 40 inisiatif Iltizam Selangor Penyayang (ISP).

Kerajaan Negeri membelanjakan RM600 juta untuk menjayakan lebih 40 paket bantuan kepada kanak-kanak, wanita, pelajar, orang kurang upaya, petani dan peniaga kecil dalam bidang kesihatan, pendidikan, perumahan dan keusahawanan.

JKSP bermula di Klang pada 18 Februari dan Hulu Selangor pula pada 19 Februari. Jurufoto AHMAD ZAKKI JILAN dan HAFIZ OTHMAN merakam kemeriah promosi paket bantuan berkennaan. Keterangan foto disediakan NADIAH ZAMLUIS.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menerangkan manfaat ISP ketika majlis pelancaran di Klang. Diadakan lebih kecil daripada JSP, siri penerangan JKSP akan diteruskan ke tujuh daerah lagi sehingga 19 Mac depan



Petugas menjelaskan program Selangor Kerjaya kepada pengunjung JKSP di Klang. Program ini menyediakan 10,000 peluang kerja menerusi sistem profil digital




Kanak-kanak berpeluang memperkenalkan bakat masing-masing dalam pertandingan mewarna, antara aktiviti yang boleh disertai pengunjung sempena JKSP Klang



Orang ramai membeli barang asas lebih murah di reruai Jelajah Ehsan Rakyat di Hulu Selangor. Program itu dianjur Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor



Pengunjung membantu mendaftar ibu bapa untuk program Skim Mesra Usia Emas di Hulu Selangor. Tahun ini kerajaan menaikkan baucar kepada RM150 dan had pendapatan isi rumah kepada RM3,000 sebulan



EXCO Pembangunan Luar Bandar Borhan Aman Shah (tengah) menerima cek cura bantuan alat tulis RM15,000 di Oasis Batang Kali, Hulu Selangor. Bantuan itu untuk 1,892 calon Sijil Pelajaran Malaysia di sembilan sekolah daerah berkennaan



Borhan menyampaikan wang ihsan kepada ahli keluarga mangsa tanah runut Batang Kali di Hulu Selangor. Kerajaan Negeri peruntuk RM155,000 kepada waris 31 mangsa



Kendera saji yang menjual pelbagai makana dan minuman enak menjadi tarikan pengunjung di JKSP Hulu Selangor

# Asteroid punca dinosaur pupus



*Penyelidik kedoktoran di Universiti Teknologi Mara, ZAMIR MOHYEDIN seorang ahli fizik yang menulis lapan buku*

**F**ilem Don't Look Up (2022) menayangkan kisah asteroid gergasi menghentam bumi sehingga menghapuskan hampir keseluruhan manusia. Situasi yang sama pernah berlaku pada 66 juta tahun lalu iaitu tahun kepupusan dinosaur.

Bagaimana sekutul asteroid gergasi yang hentam satu tempat iaitu di Semenanjung Yucata, Mexico boleh melenyapkan lebih 75 peratus spesies di seluruh dunia? Kalau dalam Don't Look Up, bagaimana asteroid yang menghentam satu tempat boleh melenyapkan manusia?

Asteroid yang menghentam bumi 66 juta tahun dahulu mempunyai diameter sepanjang 10 kilometer (km). Saiznya lebih besar daripada gunung Everest.

Saiz 10 km dari permukaan bumi dapat mencecah ruang udara pesawat. Ketika masuk ke atmosfera bumi, asteroid ini bergerak selaju sekitar 30,000 milisaat iaitu sekitar 87 kali ganda lebih laju daripada bunyi.

Asteroid ini menghentam laut cetek di perairan Semenanjung Yucata. Hentamannya melepaskan tenaga setanding sekitar 900 bilion bom yang pernah meletupkan Hiroshima dan 100 juta bom

nuklear Tsar Bomba. Asteroid ini cuma hentam satu tempat sahaja, tetapi memberikan kesan pada seluruh dunia pada ketika itu.

Hentaman ini meninggalkan kerak seluas 100 km dan sedalam hampir 30 km. Impak ini menghasilkan gempa bermagnitud 12 skala Richter. Skala yang tidak pernah dihadapi oleh manusia. Sebagai perbandingan, manusia pernah menghadapi gempa magnitud 9.6 skala Richter di Chile yang kesannya hingga ke Australia, Hawaii, Filipina, New Zealand, China dan Jepun.

Tsunami setinggi hingga 25 meter membantai negara-negara ini. Gempa ini juga menyebabkan berlakunya letusan gunung berapi di pergunungan Andes di Amerika Selatan. Dianggar kematian disebabkan gempa ini berada dalam julat 1,000 hingga 6,000 orang. Kerugian mencecah sehingga 7 bilion dolar.

## Gempa sedunia

Gempa skala 12 skala Richter pada 66 juta tahun lalu telah menghasilkan gempa skala 9 skala Richter di seluruh dunia. Satu gempa yang melahirkan banyak gempa kerana hentaman yang terlalu kuat.

Seperti biasa, gempa menghasilkan tsunami. Ketika itu, tsunami melanda di seluruh dunia. Ombak tsunaminya mempunyai ketinggian dari 100 meter hingga ke 1.5 km dan menenggelamkan banyak daratan.

Kalau kita tepuk air yang tenang, air akan terpercik pada muka. Begitu juga yang berlaku

ketika asteroid menghentam bumi. Hentaman asteroid pada 66 juta tahun lalu menyebabkan batu-batu dan serpihan permukaan bumi melantun keluar sehingga ke angkasa. Malah, terdapat sebahagiannya menghentam bulan.

Terdapat sebahagian lain yang melantun keluar kembali semula ke bumi. Serpihan-serpihan ini menghentam seluruh dunia. Ibarat bumi dihujani meteor. Bumi yang tenang bertukar menjadi bumi yang sedang terbakar.

Gempa juga telah menyebabkan gunung-gunung berapi meletus di seluruh dunia. Debu-debu yang dihasilkan serta asap kebakaran daripada hentaman serpihan-serpihan impak telah menutup atmosfera bumi sehingga iklim menjadi sejuk kerana sinaran cahaya matahari tidak dapat tembus. Udara bertoksik dan hujan asid membasahi bumi.

Disebabkan cahaya matahari terhalang, tumbuhan pun mati dan kejadian ini telah menyebabkan runtuhan rantaian makanan.

Jika dibuat perbandingan, dinosaur hidup lebih lama berbanding manusia. Dinosaur berkelana selama 165 juta tahun, manusia pula baru 300 ribu tahun. Jika perang nuklear tercetus di zaman ini, kesannya mungkin tidak seteruk ini. Tetapi cukup teruk untuk membuatkan manusia seluruh dunia sengsara.

Kepupusan dinosaur memberikan peluang kepada mamalia menguasai bumi, menggantikan spesies reptilia. Mamalia akhirnya berevolusi menjadi lebih besar dan tidak lagi terancam oleh reptilia dalam kalangan dinosaur. Corak ini berpanjangan sehingga ke zaman ini.

# Canggung Harum Malam



**DANIYAL KADIR** menulis ulasan perfilman Malaysia. Beliau juga menghasilkan dua buku *Membedah P Ramlee* dan *Membedah Wayang Gambar*

**S**ebelum menjakkan kaki ke dalam panggung, saya meletakkan sedikit harapan yang tinggi terhadap filem terbaru arahan pengarah hebat, Dain Said.

Terdapat dua keadaan yang membuatkan saya berani berfikir tentang harapan itu. Pertama kerana filem arahan Dain yang menjadi kegemaran saya ialah Dukun, sebuah filem yang mungkin mempunyai corak hampir sama dengan Harum Malam.

Kedua kerana Dain ialah orang yang memberi saya kepercayaan bahawa sinema Malaysia sedang dihidupkan semula melalui imej kelir koyak di babak pembukaan filem Bunohan.

Harum Malam mengekalkan kekuatan Dain dalam alam mistik serantau misalnya tongkat dalam Dukun, burung gergasi dalam Interchange, makhluk separa buaya dalam Bunohan dan pohon misteri dari Sumatera, Indonesia.

Filem ini juga cuba membentuk karakter-karakter unik dan jarang dapat ditonton dalam filem-filem Malaysia misalnya sekeluarga yang menjadi pencari hantu.

Unik untuk melihat Dain menggunakan latar rumah pangsa yang mewakili golongan pekerja. Kegelapan dan keterasingan latar berkenna menonjol, seolah-olah mahu menyebutkan tentang perbaasan jurang kaya-miskin. Ia malah mengingatkan kepada apa yang dibuat Joko Anwar dalam Pengabdi Setan 2.

Namun begitu, filem ini sedikit mengecewakan dari sudut pembangunan karakter, cerita dan dialog yang sudah tentu disebabkan oleh kekurangan dalam penulisan skrip.

Sudah tentu antara yang paling diingati adalah bagaimana karakter sekumpulan detektif diketuai watak lakonan Nabila Huda muncul dan hilang juga secara tiba-tiba. Karakter seperti ini jelas tidak berkesan dalam membantu penceritaan.

Karakter yang kuat, membuatkan kita percaya dengan kemunculan mereka. Ini tidak berlaku dalam Harum Malam kerana banyak karakternya hilang hala tuju serta tidak berkembang dengan baik, termasuklah watak lakonan Nadiya Nisaa dan Remy Ishak yang menguncup sebelum sempat kita mengenali kedua-duanya.

## Adegan ikonik

Justifikasi terhadap karakter adalah sesuatu kemestian kerana filem ini menampilkan pelakon-pelakon hebat. Beberapa kesempatan terlepas mudah apabila psikologi wataknya tidak diberi kesempatan untuk diterokai. Malah latar setiap watak itu berdiri di


permukaan sahaja, misalnya karakter dimainkan Bront Palarae sebagai seorang tukang urut (dan mungkin pengamal ilmu perubatan tradisional).

Namun begitu, adegan-adegan rasukan dalam filem ini sesuatu yang akan dikenang, malah ada yang bersifat ikonik (jika tidak dikaburkan).

Dalam hal ini, Lembaga Penapisan Filem tidak harus dituding sepenuhnya dalam isu penapisan bagi filem ini kerana Harum Malam kelihatan wajar untuk diberi klasifikasi 18 tahun ke atas kerana terdapat dialog dan adegan yang tidak sesuai untuk klasifikasi 13 tahun ke atas.

Dalam keadaan begitu, Dain tetap bertahan sebagai pembikin filem Malaysia yang mempunyai kekuatan dan kefahaman baik untuk membentuk imej-imej berkualiti dalam usahanya memberi tonal seram terhadap filemnya.

Namun sebagai seorang yang berpegang kepada keutamaan terhadap skrip dan penceritaan,



imej-imej yang kuat dari sudut teknikal ini kelihatan tidak berkesan dalam menyalurkan seram diharapkan.

Apabila menonton Harum Malam, fikiran lantas teringat kata-kata pengarah filem terkemuka era 1950-an dan 1960-an dari Britain, Alfred Hitchcock.

“To make a great film you need three things – the script, the script, and the script.”

Sukar kita untuk memikirkan kedalaman pemikiran filem ini atau pun menggali makna melalui visualnya jika pembentukan ceritanya tidak bergerak jauh. Harum Malam mempunyai visual yang kukuh dari segi teknikal, namun ia tidak menjelma sebagai hubungan kuat sebagai medium penceritaan.

Harum Malam adalah seram Islami yang selalu kita tonton dalam dunia filem Malaysia. Ia mungkin akan diingati kerana rasuknya, namun mungkin akan pudar ditenggelami kecanggungan watak dan dialognya.

# Menukar langsir

Oleh LOKMAN HAKIM  
Ilustrasi FAHMI MUSTAFFA

**L**ama sudah dia mahu menukar langsir. Yang tergantung lama berwarna putih sudah kelabu sarat debu. Dalam almari terlipat beberapa helaian baharu. Cuma dia enggan menukarnya atas sebab-sebab tertentu. Nostalgia membuatkan jendela biliknya kekal usang. Lalu dia berbincang dengan suami. Bagaimana?

Tukar sahajalah, apa masalahnya?

Tukar boleh tukar, bagaimana dengan pencahayaan tika siang? Akan suramkah kelak?


Suami merengus. Apa mahu gusar? Tukar dahulu baru tahu. Tak selesa kelak turunkan sahajalah. Bukan macam kena tunggu pilihan raya lima tahun sekali baru boleh tukar kerajaan. Tapi si isteri tetap ada kesangsian. Dia tahu kenapa langsir usang itu masih berada di jendela bilik itu. Cuma dia menafikan dan tidak berterus-terang pada sang suami.

Tapi... tapi... kita kena beli langsir baharu. Yang dalam almari itu baunya tak sedap. Bau ubat gegat kuat sangat. Bukan baharu sangat pun langsir-langsirnya. Bukan bla, bla, bla dan sang suami tahu si isteri sebenarnya sayangkan langsir usang yang tergantung itu. Tidaklah pula suami marah-marah. Faham sangat perangai isteri yang sering dalam dilema tika menentukan hal-hal sepele seperti tukar langsir itu. Layangkan sahajalah. Bukan susah mana pun, fikir suami. Kalau beli langsir baharu dari Shopee atau Lazada, bukan mahal mana. Langsir sahaja pun, bukan kena beli rumah baharu.

Lalu si isteri menatal langsir-langsir di Shopee. Sambil itu diceritakan kriteria langsir yang dikehendaki: yang boleh tapis haba, boleh kawal kecerahan, tidak lekat debu, mudah dibasuh dan paling penting, harga mampu milik. Sang suami garu kepala. Bagi sahajalah isteri selesai pilih langsir di Shopee. Nanti bagi dekat sang suami untuk bayar guna kad debit. Kalau mahal sangat pulun sahajalah SPayLater. Bulan depan ulang tahun kelahiran si isteri. Bukan sekadar langsir sahaja nanti dibeli kan tapi hadiah-hadiah lain.

Kata isteri, tak adalah langsir yang saya nak di Shopee. Payahlah sekarang ini banyak langsir sama sahaja. Warna lain-lain, fabrik murah. Kena debu nanti melekat. Bila gantung nanti susah nak tarik – lekat dekat cangkul. Tak payah tukar langsirlah kalau begitu, ujar sang suami.

Tak boleh, kata isteri pula. Lima tahun sudah langsir tidak bertukar. Apa guna hiasan dalam bilik cantik-cantik dan ikut trend semasa tapi langsir kekal lusuh? Sang suami sedar dia harus berbuat sesuatu. Dia mula menaip di Google carian-carian melibatkan langsir. Langsir paling unik dan ditenun bersandarkan teknologi terkini.



## Hari-hari yang berlalu

di udara ini , engkau ialah sebatang tubuh muda yang mencuar rupa ke dalam jernih pagi  
mendung dan cerah menjadi Cahaya yang saling tenang kerana rantau akan terbuka, kembara akan berwarna ini semesta yang masih engkau tinggalkan padaku  
andainya jalan asal tiba untukmu segulung ombak berpulang menjadi air lautan dan anyaman Cahaya berbalik ke redup suria  
inikah saat-saatnya buat kami? menerima ingatan yang akan bernyala selamanya di kalbu  
sesudah hari itu berlalu.

Clariessa Kesulai

Lalu sang suami terfikir: relevan lagikah pakai langsir ini? Tak bolehkah pakai jendela kaca legap yang boleh laras?

Mengarut, ujar isteri. Nanti malam pastilah orang luar boleh nampak apa dalam rumah tanpa langsir. Tahlulah orang kalau-kalau rumah ada orang atau tidak, sedang solat atau tengah tidur. Buka lampu, nampak jelas semua. Tak dapat lindung aib langsung. Kalau ada harta, nampak jelas boleh kena risiko samun.

Okay, okay, kita tukar langsir. Lupakan hal nak tukar kaca tingkap. Kena ada menteri ke depan

hadap masalah baru serah pada kakitangan kerajaan bukan? Macam itulah, jawab isteri.

Kita tukar langsir ini, pakai warna apa? Pakai merah macam bendera Harapan pula, pakai biru macam bendera dacing, jadi warna apa? Hijau macam PAS? Hisy, usah politikal sangatlah sayang, kita pilih warna putih. Kalau ada masalah, boleh buat jadi bendera kibar luar rumah. Jiran-jiran tengok pun boleh tolong. Tahu kita ada masalah.

Tapi sekarang dekat Shopee atau Lazada tak ada langsir yang saya nak, gumam isteri. Lalu sang suami mengajak isteri keluar mencari langsir. Mungkin langsir yang terbaik perlu sedikit usaha mencarinya. Mungkin kena jumpa penenun langsir di ceruk-ceruk kampung yang enggan berkongsikan khidmat pembikinan langsir di media sosial.

Mereka bergerak sudahnya. Sempat dikerling jendela rumah yang jelas tidak kelihatan langsir langsir usang yang tersorok di balik kaca legap. Nah, sudahnya sang suami rasa langsir tidak begitu penting. Bagaimana malam nanti? Tingkah isteri. Iya, iya, kita terus cari langsir.

Dalam kereta suami memandu, tak sempatlah nak tatal telefon bimbit. Isteri pula Google tempat jual langsir tercantik. Telefon kawan sana, telefon saudara sini minta cadangan. Pusing punya pusing masih buntu. Singgah pula dekat Starbucks. Teguk kopi dan teh sambil bincang tempat nak dituju. Hari ini juga, kata isteri. Malam ini dah tak boleh dah hadap langsir lusuh. Sakit mata, sakit hati.

Lalu bagaimana? Penggera berbunyi. Ada penceroboh pula. Ewah, berani sungguh petang pun tak habis, sudah pecah masuk rumah orang. Jiran hantar gambar. Tingkap bilik sudah pecah. Ada bola besbol melayang masuk. Anak jiran nak belajar besbol ala Amerika katanya.

Sang suami tepuk dahi. Isteri membebek. Nak tukar tingkap tak sempat pula, jam dah lewat lepas pukul 6 petang. Balik ke rumah, sang suami keluarkan dari stor, bendera-bendera parti politik yang patut digantung di jalanan ikut kontrak. Kaca serpih tingkap dibersih. Langsir lusuh kekal tergantung.

Maghrib menjelang. Bendera-bendera parti sudah direntang di luar jeriji tingkap yang pecah. Semua parti pun ada, dilapis-lapis pasangnya. Eloklah juga walau hodoh dilihat dari luar. Asalkan tingkap yang pecah tak nampak dari jalanan. Asalkan mazhab politik penghuni rumah tak diketahui orang.

Jadi esoknya kita nak tukar langsir apa nanti? Tanya suami selesai solat Maghrib. Si isteri menjebik memikir sang suami yang tak ada common sense sampai ke sudah. Angin menderu. Hujan akan melebat. Mereka berdoa agar air hujan tak tembus tingkap yang pecah malam itu.

*Cerpen, esei dan sajak boleh diikuti pada setiap minggu menerusi pautan [selangorkini.my/category/renanca-bm/](http://selangorkini.my/category/renanca-bm/)*



**SUBUR...** Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (kiri) dan DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menyempurnakan penanaman Pokok Sepang sempena Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-261 di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 22 Februari. Foto Bernama

Malaysia antara tertinggi dunia

# Siasat dana akaun luar pesisir

Oleh SOFIA NASIR

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan jumlah wang yang dibawa keluar dari negara ini untuk disorok ke dalam akaun luar pesisir antara tertinggi di dunia.

Beliau menjelaskan pendedahan laporan Integriti Kewangan Global (GFI) dan Kertas Pandora menunjukkan Malaysia pada kedudukan agak tinggi bersama beberapa negara lain.

"Jumlah daripada laporan GFI dulu sehingga Kertas Pandora, dari Malaysia itu

agak tinggi jika dibanding dengan jumlah penduduk dan kedudukan ekonomi.

"Wang yang dibawa keluar daripada sumber-sumber haram, kebanyakannya agak tinggi bagi negara ini," katanya di Dewan Rakyat pada 21 Februari.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (PN-Kubang Kerian) yang ingin mengetahui sama ada kerajaan akan menyiasat semua akaun luar pesisir termasuk dana politik dari luar negara.

Anwar yang juga ahli parlimen Tambun memberi jaminan untuk menyiasat semua pihak yang melarikan diri dari

pada cukai tanpa mengira kedudukan.

"Semua yang lari daripada cukai, haruslah disiasat. Tidak terkecuali dari dalam dan luar negara. Dan beberapa tindakan sudah pun diambil," katanya.

Kertas Pandora mendedahkan kira-kira 12 individu termasuk empat ahli politik di Malaysia antara puluhan pemimpin dari seluruh dunia yang menggunakan akaun luar pesisir bagi menyembunyikan aset bernilai ratusan juta dolar.

Pada 2021, Anwar pernah mengusulkan untuk membahaskan isu Kertas Pandora tetapi ditolak.

## Tidak kurangkan penjawat awam

**SHAH ALAM** - Kerajaan tidak pernah merancang atau berbincang untuk mengurangkan bilangan penjawat awam di negara ini.

Menafikan sekeras-kerasnya laporan saluran televisyen tempatan yang menyiarkan dakwaan itu, Menteri Komunikasi dan Digital Fahmi Fadzil berkata peranan kakitangan kerajaan sentiasa dihargai, lapor Bernama.

Katanya, penilaian awal mendapati

pihak tersebut beberapa kali menerbitkan bahan berita yang dilihat tidak mematuhi peraturan.

Justeru, beliau menyerahkan siasatan perkara itu kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan pihak berkuasa berpandu kepada peruntukan undang-undang.

"Ada beza antara terbit berita dan terbit fitnah. Hak untuk media bebas menjalankan tugas itu memang wujud, kita

pertahankan tapi tidak bermaksud ada hak untuk terbitkan bahan tidak benar atau fitnah," katanya pada 17 Februari.

Susulan itu, SKMM pada 20 Februari bertemu pengurusan tertinggi saluran tersebut untuk mendapat penjelasan lanjut.

Kertas siasatan dibuka bawah Seksyen 206 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 kerana gagal mematuhi syarat lesen.

## Wan Saiful dituduh rasuah RM6.9 juta

**SHAH ALAM** - Ketua Penerangan Parti Pribumi Bersatu Malaysia Datuk Wan Saiful Wan Jan dihadap ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 21 Februari atas tuduhan meminta dan menerima rasuah berhubung projek Jana Wibawa.

Dia mengaku tidak salah selepas pertuduhan dibaca depan Hakim Azura Alwi dan Hakim Suzana Hussin, lapor Bernama.

Wan Saidul didakwa meminta suapan daripada Lian Tan Chuan sebagai dorongan membantu Nepturis Sdn Bhd mendapatkan projek Central Spine Road: Sertik Ke Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur bernilai RM232,000,000.

Dia juga dituduh menerima wang tunai RM6,962,694.54 melalui akaun WSA Advisory Group Sdn Bhd miliknya daripada Syarikat Nepturis Sdn Bhd sebagai upah membantu mendapatkan Surat Setuju Terima (SST).

## Mansuh sambutan, kurang beban guru

**SHAH ALAM** - Semua bentuk pertandingan dan sambutan yang tidak memberi kesan terhadap pembelajaran murid sebaliknya hanya menambahkan beban tugas guru dimansuh mulai sesi 2023/2024.

Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek berkata acara tersebut antaranya pertandingan keceriaan pusat sumber, tandas tercantik, bilik operasi Sistem Pengurusan Buku Teks (SPBT) terbaik dan seumpamanya, lapor Bernama.

Beliau menjelaskan keputusan itu antara tujuh langkah segera bagi memastikan kementerian menumpu usaha terhadap kebijakan guru termasuk menangani tekanan yang dialami mereka.

Katanya, langkah lain ialah mengurangkan kekerapan semakan elemen pengurusan sekolah Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM), yang melibatkan guru kepada setahun sekali sahaja.

## Kenal pasti 830 sekolah rosak

**SHAH ALAM** - Sebanyak 830 sekolah dienal pasti memerlukan penggantian atau pembangunan semula sehingga 31 Januari, menurut Kementerian Pendidikan.

Keutamaan projek adalah penggantian blok bangunan di sekolah yang berada pada skala 6 dan skala 7 mengikut analisis skor gred impak bagi mengenal pasti bangunan-bangunan daif, lapor Bernama.

"Bilangan bangunan daif ini adalah dinamik selaras penyelesaian pelaksanaan pembangunan semula dan penerimaan untuk mengesyorkan tahap keselamatan bangunan oleh agensi teknikal," menurut kenyataan pada 13 Februari.

Skala 6 merujuk kepada bangunan tidak selamat yang disahkan pejabat pendidikan daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri manakala skala 7 disahkan Jabatan Kerja Raya.

## 68 sen sehari jika benar pengeluaran

**SHAH ALAM** - Ahli parlimen Gombak khatir pengeluaran dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memberi kesan ekonomi ketika hari tua pencarum.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan perkara itu antara punca kerajaan tidak membenarkan pengeluaran khas sekali lagi walaupun diasak pembangkang.

"Menerusi kajian yang dibentang ketika program pemukiman kami baru-baru ini, ada sebahagian pencarum hanya ada 68 sen sahaja sehari jika umur mereka mencecah antara 75 hingga 78 tahun.

"Sebab itu, kerajaan perlu pertimbang antara tanggungjawab dan populis serta gesaan yang dibangkitkan pembangkang supaya tidak tertipu dengan propaganda," katanya dalam perbahasan pada 20 Februari.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan sedang mencari penyelesaian bagi mengurangkan beban rakyat yang menghadapi masalah kewangan tanpa perlu mengeluarkan simpanan KWSP.

## 42 tan bantuan diterbang ke Syria

**SHAH ALAM** - Misi bantuan kemanusiaan pertama Malaysia ke Syria yang dilanda gempa bumi awal bulan ini berlepas pada 19 Februari.

Seramai 51 kru dan wakil kementerian serta badan bukan kerajaan berlepas dari Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia Subang di sini.

Sebanyak 42 tan barang sumbangan rakyat Malaysia yang dikumpul sejak 15 Februari dibawa bersama, lapor Bernama.

Sumbangan itu antaranya bahan makanan, barang keperluan bayi, ubat-ubatan, generator, pakaian dan selimut, kelengkapan perlindungan diri, khemah dan permaidani.

Gempa bumi berukuran 7.8 skala Richter melanda selatan Turki dan barat laut Syria pada 6 Februari.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD  
(201401006213)

### KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000013658	PROVISION OF ESRI ARCGIS SOFTWARE ANNUAL MAINTENANCE AND PROFESSIONAL SERVICES FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN. BHD (2023-2026)

### KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

Bil.	KETERANGAN
1.	PRE-QUALIFICATION FOR PANEL LAND SURVEYOR FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD

Untuk butiran lanjut mengenai tender/prakelayakan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender/prakelayakan di atas adalah **dihadiahkan untuk berdaftar dengan AirSelangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan dilaman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.

## Penjaja teruja jamu juadah buat PM

**SEPANG** - Pemilik gerai nasi ayam hainan di pusat penjaja Taman Putra Perdana di sini teruja dapat menjamu Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar yang singgah di premis itu bersama Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari sebelum menunaikan solat Jumaat memilih hidangan tersebut

but pada 17 Februari.

Berniaga sejak 15 tahun lalu, Shafeek Affendi Abdul Malek, 51, mengakui beliau pertama kali berpeluang menjamu pemimpin negara dan menyifatkan sebagai hari bersejarah dalam hidupnya.

"Saya bersyukur orang nombor satu negara dan pemimpin lain memilih

untuk makan nasi ayam di pusat penjaja," katanya yang mempelajari resipi itu pada 1993 ketika bekerja di kedai makan sebelum mula berniaga sendiri.

Anwar meluangkan masa 30 minit di pusat penjaja itu sambil disambut pengunjung yang teruja mahu bera-mah mesra termasuk bergambar dan bersalaman.

## Perkuuh pemisahan kuasa

# Bahas isu rakyat, elak balah politik

Oleh SOFIA NASIR

**SHAH ALAM** - Akta Perkhidmatan Parlimen yang dimansuh pada 1992 perlu dikembalikan bagi mengelakkan persidangan Dewan Rakyat menjadi medan perbalahan politik.

Ahli Parlimen Gombak Dato' Seri Amirudin Shari berkata akta itu sebelum ini menjadi panduan untuk mentadbir dan mengurus sidang tersebut tetapi

pemansuhannya menjadikan parlimen tempat luahan perasaan.

Katanya, Dewan Rakyat bukan tempat sindiran politik atau perbalahan memalukan sebaliknya kehormatan institusi itu perlu dipelihara sekali gus mengembalikan kepercayaan rakyat.

Beliau dalam perbahasannya juga percaya akta tersebut akan mengembalikan kuasa dan kedudukan Speaker sekali gus bertepatan amalan sistem pemisahan kuasa.

"Kalau ini dapat kita lakukan, saya percaya kita boleh menjadikan Dewan Rakyat sebagai tempat menggubal dasar dan bukan lagi meluah perasaan," katanya yang juga Dato' Menteri Besar pada 20 Februari.

Akta Perkhidmatan Parlimen yang diperkenal pada 1963 membolehkan Dewan Rakyat bertindak sebagai badan bebas, melaksana hal ehwal sendiri, memilih kakitangan serta mengawal perbelanjaannya.

## Tubuh jawatankuasa agihan negeri

**SHAH ALAM** - Ahli parlimen Gombak mencadangkan penubuhan jawatankuasa pilihan khas federalisme untuk meneliti hak semua negeri supaya pengagihan cukai dibuat secara adil.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata Selangor yang menyumbang 24.8 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2021 hanya menerima peruntukan antara bawah lima hingga

10 peratus.

"Sabah dan Sarawak yang dianggap sebagai wilayah keluarga Malaysia harus dinilai dan diberi peruntukan lebih sesuai kedudukannya sebagai rakan kongsi dalam Malaysia.

"Ini contoh perkara boleh ditimbulkan dengan lebih terperinci bukan hanya diuar-uarkan dalam propaganda dan suara popular dalam perbahasan," katanya dalam sesi perbahasan pada 20 Februari.

Sejak Amirudin memimpin negeri, KDNK Selangor meningkat setiap tahun iaitu 23.7 peratus pada 2018, 24.2 peratus (2019), 24.3 peratus (2020) dan 24.8 peratus (2021).

Beliau juga mencadangkan empat lagi jawatankuasa iaitu jawatankuasa pilihan khas anak-anak syarikat dan badan berkanun, jawatankuasa pengangkutan awam, jawatankuasa mobiliti sosial dan jawatankuasa masyarakat menua.

## Baiki kemudahan jeti nelayan

**KLANG** - Bangsal usang yang menempatkan penjualan ikan segar lebih sedekad lalu di Pangkalan Nelayan Kampung Delek di sini dinaik taraf pada akhir tahun lalu.

Menerusi dana RM50,000 yang disampaikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, bangsal berkenaan berubah wajah kepada binaan konkrit.

Justeru, peniaga Nurul Izzati Azmi, 30, dan suami Mohammad Kamal Ramli, 31, gembira berikutan mereka tidak lagi berdepan

masalah permukaan papan berlebihan berikut air kerap naik ke situ.

"Asalnya komponen bangsal ini dibuat daripada kayu dan pa-pan. Jadi faham-fahamlah keadaannya. Lagipun saya berniaga sudah lama, sebelum wujudnya pangkalan nelayan.

"Dalam tempoh kurang sebulan, bangsal ini siap dan kami dapat berniaga dengan lebih selesa," katanya yang menetap di Pangaspuri Sri Perantau pada 18 Februari.

Mereka ditemui dalam kunjungan Amirudin dan isteri Da-

tin Seri Masdiana Muhamad ke pangkalan itu sempena program Jelajah Kita Selangor Penyayang.

Nurul Izzati turut terharu atas kesudian pemimpin negeri meninjau kegiatan peniaga dan nelayan di pangkalan itu.

"Beliau tanya khabar kami di sini, saya cakap semuanya berjalan lancar selain jualan bertambah baik."

"Saban hari penduduk setempat bertumpu di sini untuk membeli ikan segar dari laut seperti ikan senangin, kurau, pari, bawal putih, bawal tambak dan mayong," katanya.





Norita (tiga, kiri) bersama pemenang hadiah utama cabutan bertuah Jelajah Selangor Penyayang 2.0 di Bangunan Darul Ehsan, Shah Alam pada 16 Februari. Hadir sama Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat MBI Ahmad Azri Zainal Nor (tiga, kanan). Foto SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

## Bantuan tanda simpati

# RM155,000 untuk waris tanah runtuh

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

**HULU SELANGOR** - Sebanyak RM155,000 disumbangkan kepada waris 31 mangsa korban tragedi tanah runtuh di tapak perkhemahan Fathers' Organic Farm, Batang Kali pada Disember lalu.

Wang ihsan RM5,000 yang dise-diakan kepada mereka diserahkan EXCO Pembangunan Luar Bandar Bor-han Aman Shah dalam program Jelajah Kita Selangor Penyayang (JKSP) Hulu Selangor pada 19 Februari.

"Yang ini pertama kali (Kerajaan Negeri) beri bantuan. Ini daripada Kerajaan Negeri khususnya kita bagi kepada (waris) RM5,000 setiap mangsa.

## Pindaan akta elak sungai dicemar

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri ber-harap pindaan Akta Industri Per-khidmatan Air 2006 dapat disegerakan bagi mengatasi pencemaran sumber air pada masa depan.

EXCO Alam Sekitar Hee Loy Sian menjelaskan cadangan berkenaan dikemuka sejak 2020 tetapi tiada perkembangan mengenainya.

"Saya harap kerajaan dapat laksanakan pindaan ini segera kerana ia ambil masa lama," katanya pada 17

"Kalau ada keperluan lain, kita akan pertimbangkan, mungkin daripada segi penjagaan dan sebagainya. Kita akan lihat apa permasalahan sebab yang terlibat ini bukan semua dari Selangor, ada Melaka dan negeri lain," katanya.

Sebelum ini, seramai 13 penerima dari Selangor dan Kuala Lumpur mewakili 25 mangsa menerima sum-bangan Kerajaan Negeri berjumlah RM125,000.

Baki dua lagi penerima iaitu waris dari Pulau Pinang dan Melaka akan diuruskan dalam masa terdekat oleh Unit Pengurusan Bencana Negeri Se-langor.

Sementara itu, mangsa Loh Teng Shui, 45, yang kehilangan anaknya

Zech Loh Qi Yi berusia tujuh tahun mengakui beliau masih trauma setiap kali mendengar dentuman guruh.

"Saya masih ingat lagi runtuhan tanah di situ berakhir dengan satu bunyi yang sangat kuat macam guruh. Jadi tiap kali ada bunyi sebegini, saya jadi panik dan trauma."

"Selepas kehilangan dia, kami ti-dak boleh buat apa-apa tanpa dia. Memang susah bagi kami untuk menjalani kehidupan seperti biasa kerana terlalu sedih," katanya menahan sebak.

Tragedi tanah runtuh di tapak perkhemahan di Batang Kali pada 16 Disember itu mengorbankan 31 nya-wa, 12 daripadanya kanak-kanak dan seorang bayi lelaki berusia setahun manakala 61 mangsa terselamat.

denda penting bagi memberi keseda-ran kepada pengilang yang tidak me-ngambil serius isu alam sekitar.

Beliau turut mencadangkan kerajaan menambah klausu penjara mandatori selain pencemar diwajib melaksanakan kerja pembersihan menggunakan kos sendiri.

"Selama ini kerajaan terpaksa keluar-kan kos tinggi untuk kerja pembersihan. Ia tidak adil kepada pembayar cu-kuai," katanya.

## Pengunjung bertuah terima motosikal

**SHAH ALAM** - Empat pemenang hadiah utama cabutan bertuah Program Jelajah Selangor Penyayang (JSP) 2.0 2022 masing-ma-sing menerima hadiah sebuah motosikal.

Ketua pegawai eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata mereka adalah pengunjung bertuah program siri kedua pada Oktober hingga Disember ta-hun lalu di Sabak Bernam, Klang, Sepang dan Hulu Selangor.

"Semua pemenang membawa pulang hadiah utama berupa motosikal Honda Wave 125i dengan nilai keseluruhan kira-kira RM40,000," kata Norita Mohd Sidek yang me-nyampaikan hadiah itu di sini pada 16 Februari.

Beliau menambah program JSP antara wadah hebat bagi memperkenal pelbagai inisiatif baharu pentadbiran negeri untuk di-manfaatkan rakyat Selangor.

"Program ini disertai oleh MBI, anak syari-katnya dan pelbagai agensi Kerajaan Negeri," katanya.

## MBPJ anjur saringan barah percuma

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan program sari-nigan barah percuma di Laman MBPJ pada 26 Februari.

Program dengan kerjasama Sahabat Motor MBPJ Harley Owner Group Petaling Jaya turut menyediakan pelbagai kegiatan menarik kepada pengunjung Jelajah Kan-ser #66 PJ Sihat.

"Orang ramai dijemput hadir ke pro-gram tersebut. Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia akan menyediakan kemuda-han saringan barah secara percuma.

"Hospital Mata Tun Hussein Onn pula menyediakan perkhidmatan pemeriksaan mata, KPJ bagi pemeriksaan tahap gula dalam darah dan Nestle pemeriksaan ko-lessterol," kata kenyataan MBPJ.

## Rai kanak-kanak berkhatan

**AMPANG JAYA** - Seramai 52 kanak-kanak dirai dalam program berkhatan anjuran bersama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Pertubuhan Kebajikan Ma-syarakat Serumpun Kuala Lumpur & Se-langor (Pekemas).

Setiausaha MPAJ Julaiha Jamaludin menjelaskan program berkenaan yang menyasar golongan keluarga berpendapa-tan rendah dengan yuran minimum itu mendapat sambutan menggalakkan.

"Kita hadkan untuk 50 penyertaan saha-ja tetapi sambutan amat menggalakkan. Kita dapat penyertaan lebih 50 orang," ka-tanya pada 19 Februari.

Peserta diarak dengan irungan paluan kompong dan bunga manggar sebelum acara bersiram beramai-ramai menggu-nakan jentera bomba.

Februari.

Pada 16 Februari, Menteri Sumber Asli Nik Nazmi Nik Ahmad memaklumkan kerajaan persekutuan akan memin-da akta berkenaan dalam sidang parli-men pada Jun depan.

Pindaan itu mengenakan denda le-bih berat kepada pencemar sumber air, daripada RM100,000 kepada RM10 juta dan penjara setahun kepada 15 tahun atau kedua-duanya.

Loy Sian berkata kenaikan jumlah

## Persiap mahasiswa sebelum kerja

**HULU LANGAT** - Sebarang program atau kegiatan anjuran universiti perlu ada pengisian yang memberi nilai tambah kepada pelajarnya, kata pegawai kewangan negeri.

Menurut Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin, usaha itu penting sebagai persiapan untuk mahasiswa menempuh kehidupan selepas tamat pengajian seterusnya mencari pekerjaan.

"Majikan mahu melihat sejauh mana kebolehan seseorang pekerja selesaikan masalah, kemahiran survival apabila berhadapan cabaran, pemikiran kreatif dan banyak lagi," katanya pada 14 Februari.

Beliau yang juga ahli lembaga pengaruh Universiti Islam Selangor turut memuji penganjuran Karnival Keusahawanan Kerjaya yang memiliki pelbagai pengisian untuk meningkatkan kualiti pelajar.



### MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1  
63200 CYBERJAYA  
Selangor Darul Ehsan

#### KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/KEJ/44/2023	CADANGAN KERJA-KERJA MEMBINA SAMBUNGAN JALAN DARIPADA PUSAT KEJURUTERAAN JENTERA, BOMBA KE JALAN PERSIMPANGAN SIRIM, BANDAR BARU SALAK TINGGI UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G3 Kategori CE CE21 DAN UPEN	RM200.00
2.	T/MPSepang/KEJ/45/2023	CADANGAN KERJA MENAIKTARAF DAN TAMBAHAN TEMPAT LETAK KERETA DI PEKAN DENGKIL DAN CYBER VALLEY DENGKIL UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G3 Kategori CE CE21 DAN UPEN	RM200.00
3.	T/MPSepang/KEJ/46/2023	CADANGAN KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG SERTA KERJA BERKAITAN DI JALAN LINGKARAN PUTRA PRIMA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G4 Kategori CE CE21 DAN UPEN	RM200.00
4.	T/MPSepang/KEJ/47/2023	CADANGAN KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG SERTA KERJA BERKAITAN DI JALAN AMETIS 2, TAMAN AMETIS, JALAN AMAN 7, JALAN BEDARA, TAMAN EMAS, DENGKIL UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2023	CIDB, SPKK & G5 Kategori CE CE21 DAN UPEN	RM200.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> atau di kaunter pada waktu pejabat di Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh 23 Februari 2023 hingga 16 Mac 2023 dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu dibawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran boleh dibuat secara atas talian melalui FPX, Kredit Kad dan Debit Kad atau secara Tunai, Wang Pos atau Bank Draft yang berpalang atas nama 'Yang Dipertuan Majlis Perbandaran Sepang'.
3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis No. Tender di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada 16 Mac 2023.
4. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Sepang

## Dakwa pihak salah guna logo Mais

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang menyalahgunakan logo dan dokumen agensi tersebut.

Setiausaha Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata kegiatan itu dikesan menerusi pendedahan media dan aduan syarikat yang menerima pesanan pembelian (PO) dan invois menggu-

nakan kepala surat rasmi berlogo Mais.

Beliau menjelaskan dokumen berkenaan kononnya untuk mendapat projek pembekalan bantuan bakul makanan itu kemudian didapati palsu.

"Mais tidak terlibat dengan projek pembekalan bakul makanan serta tidak pernah melantik mana-mana pihak menjadi ejen untuk bantuan ber-

kaitan," katanya pada 17 Februari.

Beliau berkata perbuatan memalsukan dokumen Mais jenayah serius kerana menjaskan imej agensi itu dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada umat Islam di Selangor.

Orang awam boleh merujuk Mais menerusi talian 03-5515 3400 atau e-mel pro@mais.gov.my sekiranya ada perkara meragukan.

### 50 pelajar dapat beg, wang tunai

## Ibu bapa lega dapat bantuan sekolah

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

**HULU SELANGOR** - Ibu tunggal terharu berikutan anak bongsunya antara 50 pelajar yang menerima bantuan beg dan wang tunai RM100 sumbangan Kerajaan Selangor.

Sarina Mohd Sari, 46, berkata bantuan melalui program Jom Balik ke Sekolah menggembirakan Mohamad Abid Darwis Jamil yang bakal memasuki sekolah menengah pada Mac.



"Sebelum ini, dia pernah menerima sumbangan berbentuk peralatan sekolah tetapi kali ini dapat sekali dengan wang tunai. Sedikit sebanyak boleh digunakan untuk perbelanjaan sekolah dia (Abid) nanti."

"Bantuan seperti ini meringankan be-

ban saya kerana harga peralatan sekolah mahal," katanya yang menetap di Sungai Chua, Rawang.

Bantuan itu disampaikan EXCO Pembangunan Luar Bandar Borhan Aman Shah sempena Jelajah Kita Selangor Penyayang pada 19 Februari.

M Annalethumya, 43, pula menyifatkan sumbangan tersebut mencerminkan keprihatinan pentadbiran negeri terhadap ibu bapa yang memiliki ramai anak bersekolah.



"Semua anak masih bersekolah dan hari ini anak bongsu saya R Dashwin yang berumur 12 tahun terpilih dapat bantuan."

"Tanpa perhatian Kerajaan Negeri, pasti sukar untuk buat persiapan sekolah anak memandangkan kos persiapan sekolah pada tahun-tahun sebelum ini RM300 seorang," katanya.

## Penuntut terima tajaan

**SHAH ALAM** - Universiti Selangor (Unisel) dan Gleneagles Hospital Medini (GHM) Johor menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bagi menawarkan biasiswa penuh kepada penuntut Fakulti Sains Kesihatan institusi itu.

Pengarah komunikasi korporat Unisel berkata kerjasama itu memberi kelebihan kepada penuntut kursus berkenaan kerana ada jaminan pekerjaan apabila tamat pengajian.

Hasril Abu Hssan berkata pusat kesihatan itu menanggung keseluruhan yuran pengajian pelajar jurusan Diploma Kejururawatan menerusi program biasiswa SELFA-HSP.

"Mereka juga akan menerima eluan bulanan RM500 selain bayaran buku RM1,000 setahun sepanjang tempoh

pengajian.

"Unisel turut menyediakan beberapa kemudahan termasuk asrama, dua paang uniform setahun serta kit kejururawatan secara percuma," katanya pada 16 Februari.

Presiden dan Naib Canselor Unisel Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman serta Ketua Pegawai Eksekutif GHM Johor Dr Kamal Amza menandatangani MoA itu di Unisel kampus Shah Alam pada 14 Februari lalu.

Hasril berkata lebih 20 penuntut jurusan terbabit mendapat tajaan tahun ini, dengan 18 pelajar sedang menikmati manfaat sama sejak Ogos tahun lalu.

"Kita turut dimaklumkan GHM Johor menyediakan tajaan RM2.5 juta tahun ini bagi kerjasama ini," katanya.



Pemain FC Spicegals Lyana Soberi (kiri) melepas kawalan pemain Negeri Sembilan FA Lara Tyskerud ketika aksi keempat Liga Super Wanita di Radia Arena A, Shah Alam pada 19 Februari. Foto Persatuan Bolasepak Selangor

Kelana United FC belasah Sternen FC 7-0

# FC Spicegals kekal rekod tanpa kalah

Oleh AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - FC Spicegals membela-sah Negeri Sembilan FA 5-0 dalam per-lawanan keempat Liga Super Wanita anjuran Persatuan Bolasepak Selangor.

Beraksi di Radia Arena A pada 19 Februari, tuan rumah mendahului 2-0 pada babak pertama hasil jaringan Farishah Erinna pada minit kesembilan dan Jaciah Jumilis tiga minit kemudian.

Negeri Sembilan FA kian tertekan apabila FC Spicegals menambah tiga

lagi jaringan pada babak kedua menerusi Nur Haniza, Puteri Noralisa dan Azza Harniza sekali gus mengukuhkan cengkaman di persada kumpulan A.

MBSJ kekal tangga kedua dengan 10 mata selepas menang 3-0 ke atas SA United hasil jaringan Steffi Sarge Kaur, Fatin Shahida dan Lovelytha Jelus.

Satu lagi aksi kumpulan A menyaksikan FC Swat menewaskan PJKITA 2-1 selepas bangkit mencipta dua gol pada babak kedua menerusi Siti Nabila dan Nur Izzati.

Sementara itu, jaringan tunggal

Henrietta Justine pada penghujung permainan membantu UPNM FC menewaskan UiTM Lioness untuk kekal menerajui kumpulan B.

Penjaring terbanyak Intan Sarah pula cemerlang melakar hatrik kedua musim ini ketika membantu Kelana United FC membela-sah Sternen FC 7-0 sekali gus naik kepada kedudukan kedua dengan tujuh mata.

PNSB FC pula kekal di tangga terbawah kumpulan tanpa sebarang ke menangan selepas tewas 1-4 kepada SSS Leopard.

# Orozco import akhir Selangor FC

**SHAH ALAM** - Selangor FC meng umumkan Yohandry José Orozco Cu jía, 31, sebagai pemain import ter akhir Red Giants untuk menghadapi saingan Liga Malaysia.

Ketua Jurulatih Selangor FC Tan Cheng Hoe berkata pemain yang lebih dikenali sebagai Orozco ada kelebihan yang membantu menstabilkan pasukan pada musim ini.

"Pasukan sekarang perlukan se

orang jeneral. Saya berharap Orozco dapat memberi corak permainan baik dan menstabilkan kekurangan yang kita hadapi di bahagian serangan."

"Beliau memiliki kawalan bola sangat baik dan mampu membantu rakan mendapatkan gol. Selain itu, beliau juga mampu menyempurnakan 'set pieces' dengan baik," katanya pada 15 Februari.

Terdahulu, pemain tengah dari

Venezuela itu beraksi dengan kelab Colombia Deportes Tolima dan membantu memenangi tiga kejuaraan Primera A selain menjulang dua trofi bersama New York Cosmos pada 2015/2016.

Orozco adalah pemain ketujuh menyertai Selangor FC selain Ruven thiran, Khuzaimi Piee, Faisal Halim, Noor Al-Rawabdeh, Rauf Salifu dan Ayron Del Valle.

## RM39,000 naik taraf gelanggang futsal

**KLANG** - Lebih RM39,000 disediakan bagi menaik taraf gelanggang futsal di Kampong Sungai Udang di sini seterusnya memberi keselesaan kepada anak muda.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kerja menaik taraf kemudahan itu salah satu peruntukan menerusi Projek Selangor Penyayang.

"Kira-kira RM500,000 diperuntuk bagi Projek Selangor Penyayang diberi kepada setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi menaik taraf atau menyediakan kemudahan lebih selesa kepada rakyat.

"Gelanggang ini salah satu projek berkenaan. Saya harap penduduk sekitar dapat memanfaatkan sebaik-baiknya kemudahan tersebut," katanya pada 18 Februari.

Gelanggang berkenaan mula dibaik pulih pada 1 November tahun lalu dan siap sebulan kemudian.

## Piala Presiden, Belia bermula Mac

**SHAH ALAM** - Dua pasukan Selangor FC diundi dalam zon C bagi kejohanan Piala Presiden dan Piala Belia 2023 anjuran Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) yang bermula Mac.

Selangor FC B-20 diundi bersama Sabah FC, KL City FC dan Negeri Sembilan FC dalam aksi Piala Presiden manakala Piala Belia menyaksikan Selangor FC B-18 bersaing dengan Sabah FC, JDT IV dan KL City FC.

Peringkat kumpulan Piala Presiden dijadual bermula pada 16 Mac diikuti Piala Belia pada 17 Mac.

Semua pasukan diasingkan dalam empat zon bagi Piala Presiden dan tiga zon bagi Piala Belia mengikut sistem undian pada 19 Februari.

## Sasar sifar kes tunggakan gaji

**SHAH ALAM** - Liga Bolasepak Malaysia (MFL) berazam bekerjasama dengan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) bagi memastikan misi sifar isu tunggakan gaji dalam Liga Malaysia (Liga-M) dilaksanakan sepenuhnya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Stuart Ramalingam menjelaskan sekitar 13 kes aktif sahaja ketika ini hasil tindakan tegas terhadap pasukan bermasalah sejak 2018, lapor Bernama.

Beliau menambah lesen kebangsaan juga tidak dikeluarkan kepada Melaka United dan Sarawak United atas sebab tersebut yang bertujuan mengurangkan jumlah kes tunggakan gaji.

"Jelas MFL dan FAM amat serius untuk menghentikan tanggapan Liga-M dengan isu tunggakan gaji ini," katanya pada 16 Februari.

**HASNUL BAHARUDDIN  
Morib**

mencuba sukan woodball di Kolej Komuniti Kuala Langat, Kuala Langat

**ZAWAWI MUGHNI**

**Sungai Kandis**  
menyertai program zikir munajat di Madrasah Darussolihin, Shah Alam

**LAU WENG SAN  
Banting**

mengagihkan tong sampah kepada penduduk Taman Delima, Kuala Langat

**HALIMEY ABU BAKAR  
Seri Setia**

mendekati peserta khatan perdana di Hotel TH, Petaling Jaya

**MAZWAN JOHAR  
Sungai Ramal**

memberi alat tulis kepada pelajar SPM di Sungai Ramal Luar, Hulu Langat

**EAN YONG HIAN WAH  
Seri Kembangan**

memeriahkan pertandingan pingpong di Dewan Serbaguna Seri Kembangan, Subang Jaya

**GUNARAJAH GEORGE  
Sentosa**

meninjau program pemeriksaan mata percuma di kawasan DUN Beliau

**JAMALIAH JAMALUDDIN  
Bandar Utama**

menyampaikan sumbangan beg sekolah kepada murid di Petaling Jaya

# Caj runding bersama doktor RM15

**SHAH ALAM** - Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Gasing menawarkan perkhidmatan rundingan bersama doktor secara maya pada harga serendah RM15.

Wakil rakyatnya R Rajiv berkata kerjasama dengan penyedia penjagaan kesihatan berdaya digital menerusi aplikasi 'Doctor Anywhere' bertujuan membantu pesakit



menerima rawatan pada harga berpatutan.

"Perkhidmatan ini khusus untuk warga DUN Bukit Gasing. Individu kurang berkelebihan mampuan (B40) pula akan mendapat harga subsidi RM5 untuk satu sesi rundingan dalam tempoh beberapa minit dengan doktor.

"Program ini bertujuan meringankan beban pesakit memandangkan satu sesi

rundingan dengan doktor di klinik amat mahal sehingga lebih RM60," katanya pada 17 Februari.

Beliau berkata pesakit boleh memilih untuk membeli ubat menerusi aplikasi atau farmasi pilihan sendiri dan dihantar ke kediaman dalam tempoh sejam.

Pengundi Bukit Gasing boleh muat turun aplikasi doctoranywhere.page. link/MY-download-link manakala warga B40 di pautan dranywhr.my/bg-health-form untuk mendaftar.

## Pendaftaran masih dibuka

# Lebih 5,000 terima baucar beli-belah

Oleh DIANA ABD WAHAB

**SHAH ALAM** - Lebih 5,000 ahli Skim Mesra Usia Emas (SMUE) di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Anggerik dan Rawang menerima baucar Jom Shopping bernilai RM150 setakat 15 Februari.

Wakil rakyat Najwan Halimi maklumkan seramai 1,235 warga emas di Kota Anggerik telah menerima baucar berkenaan berdasarkan data pihaknya.

"Bakinya seramai 2,228 warga emas masih belum menuntut baucar beli-belah program yang dilaksana dengan kerjasama Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS).

"Peserta yang belum menuntut baucar beli-belah tersebut disaran segera hadir ke Pusat Khidmat Masyarakat DUN Kota Anggerik untuk mendapatkan," katanya.

Najwan berkata pihaknya masih menerima pendaftaran jika ada warga emas yang mencapai usia 60 tahun pada tahun ini tetapi belum mendaftar SMUE.

Sementara itu, hampir 4,000 baucar beli-belah diserahkan kepada warga emas di DUN Rawang setakat 14 Februari.

Pembantu khas Ahli Dewan Negeri berkata peserta yang belum menuntut baucar



beli-belah bernilai RM150 disaran segera mengambilnya.

"Jika ada warga emas yang mencapai usia 60 tahun pada tahun ini dan belum mendaftar SMUE boleh menyemak pusat mengundi.

"Kalau mengundi di kawasan lain, penerima perlu pergi ke pusat khidmat berkaitan untuk mendaftar bagi mendapatkan baucar Jom Shopping," kata Ainul Aizura Ahsan.

SMUE diperkenalkan lebih sedekad lalu bagi menghargai warga emas negeri ini. Setiap ahli mendapat manfaat baucar hadiah hari jadi serta khairat kematian.

# Naik taraf kemudahan taman awam

**SHAH ALAM** - Penduduk di sekitar SS2/13 Petaling Jaya boleh beriadah dengan lebih selesa selepas projek naik taraf kemudahan di taman awam kawasan berkenaan siap pada 2 Februari.

Wakil rakyat Kampung Tunku Lim Yi Wei berkata kerja itu dijalankan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mulai 26 September tahun lalu sepatut-



nya siap pada 2 Januari tetapi tertangguh akibat masalah cuaca.

Beliau menambah kemudahan yang dinaik taraf antaranya gelanggang bola keranjang, gelanggang badminton serta laluan pejalan kaki sepanjang 600 meter.

"Selain itu, taman permainan yang dipindahkan dicat semula dan dipasang lantai getah sintetik baharu

manakala akses untuk pelawat orang kurang upaya disediakan.

"Tiga set peralatan senaman juga dipasang dan bagi memastikan kebersihan tiga tong sampah baharu diletakkan di taman itu," katanya.

Berterima kasih kepada MBPJ atas kerja berkenaan, Yi Wei berharap kemudahan itu menggalakkan penduduk bersenam lebih kerap dan menjaga kebersihan persekitaran.



## AHLI DEWAN NEGERI TAMAN MEDAN SYAMSUL FIRDAUS SUPRI

- **Umur:** 51 tahun
- **Falsafah hidup:** Apa jua di tempuh, redha llahi jua didambakan
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:** Perunding keluargaan

- **Alamat pejabat ADN:** 12-2, Jalan PJ3/61, 46000, Petaling Jaya
- **Nombor telefon ADN:** 03-7772 9121
- **Facebook:** Syamsul Firdaus
- **E-mel:** syamsulfirdaus@selangor.gov.my



## Anjur Festival Balakong 12 Mac

**HULU LANGAT** - Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Balakong menganjurkan Festival Balakong Industrial Culture and Art (BICA) di Dataran C180, Cheras dekat sini pada 12 Mac.

Walik rakyat Wong Siew Ki berkata pelbagai kegiatan disediakan sepanjang BICA bermula jam 9.30 pagi hingga 5 petang antaranya gerai jualan, pertandingan tarian K-pop, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak dan zumba.

"BICA bertujuan mempromosi pelancongan perindustrian di Balakong kepada orang ramai. Setakat ini, sembilan kilang dan 60 pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) mendaftar untuk membuka gerai jualan.

"Antaranya kilang menghasilkan kicap, kuali dan syampu serta peniaga IKS yang membuat kraftangan, baju, barang kemas dan makanan," katanya yang menjangka kehadiran kira-kira 5,000 orang.

## RM120,000 bantu Ihya' Ramadan

**SUBANG JAYA** - Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Serdang memperuntuk kira-kira RM120,000 pada tahun ini untuk program Ihya' Ramadan kepada surau dan masjid sekitar.

Pegawai Khas (Kebajikan) kepada walik rakyatnya Islah Ismail berkata bantuan itu membabitkan 58 masjid dan surau di DUN Seri Serdang yang akan menerima RM2,000.

"Ini tradisi tahunan DUN Seri Serdang yang mana masjid dan surau akan diberi bantuan untuk program Ihya' Ramadan.

"Terpulang kepada pengurusan masjid untuk menggunakan bantuan itu bagi membiaya kegiatan sepanjang Ramadan. Ada gunakan untuk bayaran penceramah, moreh dan sebagainya," katanya pada 15 Februari.

## Jumlah penerima SMUE meningkat

**KUALA SELANGOR** - Seramai 370 penerima baharu Skim Mesra Usia Emas (SMUE) mendaftar di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok sejak permohonan dibuka pada Januari.

Pegawai khas kepada walik rakyat Azli Hussin berkata penambahan permohonan diterima selepas Kerajaan Negeri mengumumkan nilai baucar beli-belah skim tersebut dinaikkan dari RM100 kepada RM150 seorang.

"Setiap hari kita terima banyak permohonan baharu. Sebelum ini pun kita sudah ada lebih 8,000 penerima SMUE sedia ada.

"Penduduk yang layak menerima bantuan skim tersebut memang agak ramai di Ijok. Kita harap dapat bantu dan meringankan beban mereka," katanya baru-baru ini.

Jangka RM12 bilion pelaburan asing

2

Lancar skim deposit rumah selepas raya

3

Tawar rumah satu bilik untuk bujang

5

Borong beras untuk asnaf, keluarga B40

8

# selangorkini

## Enam DUN negeri dijangka bubar Jun

**SHAH ALAM** - Enam Dewan Undangan Negeri termasuk Selangor dijangka dibubar pada pertengahan Jun, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan semua pemimpin negeri itu sepakat mempertimbang pembubaran dalam dua minggu terakhir bulan berkenaan.

Katanya, perkara itu akan dibincang pada peringkat parti masing-masing sebelum dipersembah untuk perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, Yang Dipertuan Besar serta Tuan Yang Terutama Negeri.

"Semoga persefahaman ini dapat mempermudah usaha rakyat untuk merayakan demokrasi kelak," katanya di Facebook pada 22 Februari.

## Dapatkan buku Sejarah Selangor

**SHAH ALAM** - Buku Sejarah Selangor 1766-1939 yang diterbitkan bawah projek terjemahan karya agung Kerajaan Negeri akan mula dijual di pesta buku empat hari yang bermula 23 Februari.

Diusahakan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) dengan kerjasama Media Selangor, karya J M Gullick boleh dibeli di reruai tiga Pesta Buku Alternatif Kuala Lumpur (KLAB) 2023 di sebelah Pasar Seni Kuala Lumpur.

Tebal 344 halaman, buku ini menceritakan pemerintahan negeri Melayu, pergolongan kuasa, perang saudara dan kegiatan per ekonomian antara pertengahan abad ke-18 hingga awal abad ke-20.

Judul buku menarik lain antaranya Apa Itu Tasawuf? karya Martin Lings, Penyucian Kalbu (Hamza Yusuf), Gelagat dan Ragam Orang Melayu (Frank Swettenham) dan Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal (Martin Lings).

Pengunjung pesta buku ini ditawarkan potongan 10 peratus bagi semua judul terbitannya.

## Khatan perdana sempena musim cuti

**KUALA SELANGOR** - Lebih 800 kanak-kanak dijangka menyertai program khatan beramai-ramai pada cuti persekolahan kali ini, kata EXCO pembangunan luar bandar.

Borhan Aman Shah berkata mereka merupakan peserta yang tidak sempat menyertai program Sunathon Perdana Disember tahun lalu.

"Memang ada perancangan anjurkan majlis berkhatan itu tetapi pelaksanaannya belum dimuktamad lagi."

"Kemungkinan kita buat mengikut zon atau daerah bagi memudahkan peserta dan ibu bapa," katanya pada 14 Februari



**KERJASAMA...** Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan menerima cenderamata daripada Presiden Universiti Pengurusan & Sains (MSU) Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid selepas menyaksikan majlis memeterai memorandum persefahaman antara Pusat Perubatan MSU dan Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) di Kampus MSU Shah Alam pada 18 Februari. Foto Facebook FAS

## Program cuti sekolah

# Murid teruja cipta permainan digital

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

**SHAH ALAM** - Murid yang menyertai bengkel membina permainan anjuran Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI teruja mempelajari selok-belok mencipta permainan dalam aplikasi.



Peserta Sofia Mohd Fuad, 10, dari Sekolah Kebangsaan (SK) Seksyen 14 mengakui seronok mempelajari kaedah penciptaan digital dalam program itu.

"Seronok sebab pertama kali saya belajar buat permainan sendiri, selama ini saya hanya tahu main di telefon pintar dan komputer riba.

"Modul juga mudah difahami. Kalau ada yang kurang faham, saya tanya tenaga pengajar," kata anak bongsu daripada tiga beradik.

Bagi Jhen Yean, 11, dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Subang, beliau mengimpikan untuk mencipta permainan sendiri tetapi tiada peluang berbuat demikian.



"(Bengkel ini) memang mencabar tetapi ia jadi mudah apabila tenaga pengajar beri tunjuk ajar satu persatu," katanya.

Ketua Tanggungjawab Sosial korporat MBI Ahmad Azri Zainal Nor berkata bengkel tiga hari mulai 21 Februari disertai 75 pelajar berusia 10 hingga 15

tahun dari seluruh negeri ini.

Beliau menambah program itu bertujuan mencungkil keupayaan dalam mencipta permainan sendiri melalui bimbingan syarikat aplikasi mudah alih tempatan iaitu Raxbit.

"Saya yakin mereka dapat bina permainan yang lengkap dan main sendiri pada akhir sesi ini nanti. Sekiranya permainan dicipta ada potensi boleh dijual dalam Google PlayStore serta App-Store.

"MBI sedia bantu mereka sampai ke tahap itu kerana industri pembangunan permainan boleh jana keuntungan sekiranya seseorang itu ada minat dan kreativiti," katanya.

## Rewang Sekampung menjelang raya

**HULU SELANGOR** - Program Jom Rewang Sekampung diteruskan pada tahun ini bagi memastikan tradisi itu dihidupkan kembali dalam kalangan masyarakat.

EXCO kampung tradisi berkata acara tersebut dibawa ke sembilan daerah bagi mengajak orang ramai khususnya anak muda merasai suasana gotong-royong yang diselangi pelbagai kegiatan.

"Acara tahun ini dibuat bersekali dengan program Hari Raya Aidilfitri yang mana sebelum jamuan (hari raya), kita adakan program rewang sekampung.

"Saya harap program ini mendapat kerjasama semua pihak. Berdasarkan penganjuran tahun lepas, kita capai kejayaan," kata Borhan Aman Shah.

Terdahulu, beliau menghadiri program Jelajah Kita Selangor Penyayang (JKSP) Hulu Selangor di Oasis Batang Kali

di sini pada 19 Februari.

Borhan menjelaskan penganjuran program berkenaan juga bertujuan mengerat hubungan penduduk sekali gus membentuk perpaduan utuh.

Tahun lalu, Sabak Bernam menjadi daerah pertama penganjuran program berkenaan dengan mengadakan majlis kesyukuran bagi meraikan kejayaan 230 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia 2021.